MIDA
LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA

# Laporan Tahunan 2011

## Pernyataan Misi

# "MENJADIKAN MALAYSIA NEGARA YANG BERDAYA SAING DI PERINGKAT GLOBAL"

# Kandungan

02 Lembaga Pengarah
04 Pengurusan
06 Perutusan Pengerusi
09 **Bab 1** Pengenalan
15 **Bab 2** Prestasi Sektor Perkilangan
25 **Bab 3** Prestasi Sektor Perkhidmatan
35 **Bab 4** Penggalakan Pelaburan Asing
45 **Bab 5** Penggalakan Pelaburan Domestik
55 **Bab 6** Penggalakan Pelaburan Seberang Sempadan
59 **Bab 7** Hubungan Antarabangsa
67 **Bab 8** Lembaga
74 Penyata Kewangan
100 Ibu Pejabat, Pejabat Negeri dan Pejabat Seberang Laut

# Lembaga Pengarah



1 2 3 4 5



6 7 8 9 10

1. **TAN SRI DR. SULAIMAN MAHBOB**
   Pengerusi, MIDA
   *(hingga 28 Mei 2012)*

2. **TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ**
   Pengerusi, MIDA
   *(dari 29 Mei 2012)*

3. **DATUK JALILAH BABA**
   Ketua Pengarah, MIDA
   *(hingga 19 Ogos 2011)*

4. **DATUK NOHARUDDIN NORDIN**
   Ketua Pegawai Eksekutif, MIDA
   *(dari 20 Ogos 2011)*

5. **DATUK DR. REBECCA FATIMA STA MARIA**
   Ketua Setiausaha
   *Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri*

6. **DATO' SITI HALIMAH ISMAIL**
   Setiausaha
   *Bahagian Analisa Cukai, Perbendaharaan*

7. **DATO' GHAZALI DATO' YUSOFF**
   Pengerusi Eksekutif
   *Nusantara Technologies Sdn. Bhd.*
   *(hingga 31 Mei 2012)*

8. **TAN SRI DATO' MUHAMMAD ALI HAJI HASHIM**
   Pengerusi
   *Waqaf An Nur Corporation Berhad*
   *(hingga 31 Mei 2012)*

9. **TUAN HAJI HASHIM PAIJAN**
   Setiausaha Tetap
   *Kementerian Pembangunan Perindustrian, Sabah*

10. **DATU LIAW SOON ENG**
    Setiausaha Tetap
    *Kementerian Pembangunan Perindustrian, Sarawak*



11 12 13 14 15



16 17 18 19 20 21

11 **DATUK AHMAD KABEER NAGOOR**
Pengerusi Eksekutif
*AKN Technology Berhad*
*(hingga 31 Januari 2012)*

12 **TAN SRI DATUK MUSTAFA MANSUR**
Bekas Presiden
*Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia*
*(hingga 17 Jun 2012)*

13 **DATUK NG PENG HONG @ NG PENG HAY**
Pengerusi
*Wellcall Holdings Berhad*

14 **TAN SRI AZMAN SHAH DATO' SERI HARUN**
Presiden
*Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia*

15 **DATUK DR. K. GOVINDAN**
Ketua Pegawai Eksekutif (Kumpulan)
*RAM Holdings Berhad*
*(dari 18 April 2011)*

16 **ENCIK ZULKIFLY DATO' HAJI ZAKARIA**
*(hingga 31 Mac 2012)*

17 **DATUK NORIYAH AHMAD**
Pengerusi Bersama
Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA)
*(dari 1 Julai 2012)*

18 **TAN SRI YONG POH KON**
Presiden
Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia
*(dari 1 Julai 2012)*

19 **TENGKU DATO' ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ**
Ketua Pegawai Eksekutif
*Maybank Investment Bank Berhad*
*(dari 1 Julai 2012)*

20 **DATO' GOOI SOON CHAI**
Presiden Agilent Technologies Malaysia dan Singapura
*Agilent Technologies Microwave Products (M) Sdn. Bhd.*
*(dari 1 Julai 2012)*

21 **STUART L. DEAN**
Ketua Pegawai Eksekutif GE ASEAN
*GE Global Growth & Operations*
*(dari 1 Julai 2012)*

# Pengurusan



**TAN SRI DR. SULAIMAN MAHBOB**
Pengerusi



**DATUK JALILAH BABA**
Ketua Pengarah
*(hingga 19 Ogos 2011)*



**DATUK NOHARUDDIN NORDIN**
Ketua Pegawai Eksekutif
*(dari 20 Ogos 2011)*



**DATO' AFIFUDDIN ABDUL KADIR**
Timbalan Ketua Pengarah I
*(hingga 14 September 2011)*



**DATO' WAHAB HAMID**
Timbalan Ketua Pengarah II
*(hingga 20 April 2011)*



**DATO' AZMAN MAHMUD**
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif I
*(dari 13 Oktober 2011)*
Timbalan Ketua Pengarah II
*(dari 15 Julai 2011 hingga 14 September 2011)*
Pengarah Kanan
Industri Bukan Sumber *(hingga 14 Julai 2011)*



**PHANG AH TONG**
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif II
*(dari 15 September 2011)*
Pengarah Kanan Pelaburan
*(hingga 14 September 2011)*



**DATUK N. PARAMESWARAN**
Pengarah Kanan Perkhidmatan
*(hingga 23 Oktober 2011)*



**RADHA MENON**
Pengarah Kanan
Industri Sumber
*(hingga 24 Februari 2011)*



**MANMOHAN SINGH**
Pengarah Kanan
Perkhidmatan *(dari 17 Oktober 2011)*
Pengarah
Bahagian Perancangan Strategik
*(hingga 16 Oktober 2011)*



**KANG LAY KIM**
Pengarah Kanan
Industri Sumber (dari 25 Februari 2011)
Pengarah
Bahagian Pengurusan Maklumat dan Statistik (hingga 24 Februari 2011)



**WAN HASHIM WAN JUSOH**
Pengarah Kanan
Industri Bukan Sumber
*(dari 15 Oktober 2011)*
Pengarah
Penggalakan Pelaburan Asing, Zon Amerika *(hingga 14 Oktober 2011)*



**HINDON ABDUL AZIZ**
Pengarah
Bahagian Pengurusan Korporat
*(dari 3 Mei 2011)*
Pengarah
Bahagian Penggalakan Pelaburan Domestik *(hingga 2 Mei 2011)*



**AZIAN MOHD YUSOF**
Pengarah
Bahagian Penggalakan Pelaburan Domestik *(dari 3 Mei 2011)*
Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Perniagaan dan Pelbagai *(hingga 2 Mei 2011)*



**N. SANGARAN**
Pengarah
Bahagian Industri Jentera dan Sokongan Kejuruteraan



**N. RAJENDRAN**
Pengarah
Bahagian Penggalakan Pelaburan Asing, Zon Asia/Oceania



**YEOH HOCK ENG**
Pengarah
Bahagian Industri Kimia



**INON ABDUL HAMID**
Pengarah
Bahagian Industri Elektronik



**CHAI SIEW FOON**
Pengarah
Bahagian Industri Tekstil
dan Galian



**TAN PIAK BONG**
Pengarah
Bahagian Logistik
dan Operasi Serantau



**MATHIALAKAN CHELLIAH**
Pengarah
Bahagian Industri Kayu dan Kertas



**TENG YIT CHAN**
Pengarah
Bahagian Komunikasi dan Media



**MOHD RASLI MUDA**
Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Perniagaan dan Pelbagai *(dari 3 Mei 2011)*
Pengarah
Bahagian Pengurusan Korporat
*(hingga 2 Mei 2011)*



**JASWANT SINGH**
Pengarah
Bahagian Industri Sains Hayat



**TAN CHEE CHAI**
Pengarah
Bahagian Industri Logam dan Fabrikasi *(dari 6 Jun 2011)*
Pengarah
Bahagian Khidmat Industri
*(hingga 5 Jun 2011)*



**ZAINAB MUDA**
Pengarah
Bahagian Industri Makanan



**HAFIZAH SHAHAR**
Pengarah
Bahagian Industri Pengangkutan



**N. JEYASIGAN**
Pengarah
Bahagian Penggalakan
Pelaburan Asing, Zon Eropah



**ROESLINA ABBAS**
Pengarah
Bahagian Kerjasama Antarabangsa



**AIZAH ABDULLAH**
Pengarah
Bahagian Industri
ICT dan Elektrik



**HOZNIA HAMIDIA**
Pengarah
Bahagian Khidmat Industri
*(dari 6 Jun 2011)*



# Perutusan Pengerusi

Malaysia terus memperlihatkan asas ekonomi yang kukuh pada tahun 2011 walaupun terdapat ketidaktentuan dalam ekonomi global. KDNK negara telah berkembang sebanyak 5.1 peratus pada tahun 2011, disumbangkan oleh peningkatan yang kukuh dalam permintaan domestik yang disokong oleh kedua-dua penggunaan swasta dan awam serta pengekalan permintaan luar terutamanya dari rantau Asia.

Pada tahun 2011, Malaysia telah menarik tahap pelaburan yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama, dengan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM154.6 bilion, yang mewakili 46.4 peratus peningkatan daripada RM105.6 bilion pada tahun 2010. Jumlah pelaburan diluluskan pada tahun 2011 melepasi 34.4 peratus sasaran pelaburan purata tahunan sebanyak RM115 bilion yang telah ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Pencapaian ini membuktikan keyakinan pelabur terhadap daya tahan ekonomi Malaysia. Malaysia terus menjadi lokasi yang berkos kompetitif dan telah berjaya menarik projek berkualiti dengan tahap pelaburan yang ketara. Ini adalah disebabkan oleh pelaksanaan beberapa inisiatif utama seperti Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan RMKe-10, yang telah meletakkan asas untuk mentransformasikan negara menjadi ekonomi berpendapatan tinggi seperti yang disarankan dalam Model Baru Ekonomi (MBE).

Malaysia telah berjaya menarik pelaburan yang tinggi ke dalam sektor perkilangan. Sebanyak 846 projek dengan pelaburan bernilai RM56.1 bilion telah diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun 2011, berbanding dengan 910 projek melibatkan pelaburan sebanyak RM47.2 bilion pada tahun 2010. Jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun 2011, melebihi RM28.6 bilion atau 104 peratus sasaran pelaburan purata tahunan RM27.5 bilion yang ditetapkan dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3), 2006-2020.

Malaysia turut kekal sebagai destinasi pelaburan langsung asing (FDI) yang kompetitif di rantau ini dan terus menarik pelaburan asing yang menggalakkan dalam sektor perkilangan. Pelaburan asing dalam projek perkilangan yang diluluskan pada tahun 2011 berjumlah RM34.2 bilion (61%)

berbanding dengan RM29.1 bilion pada tahun 2010. Selaras dengan seruan Kerajaan supaya pelabur-pelabur domestik memainkan peranan penting di bawah ETP, pelaburan domestik yang diluluskan dalam sektor perkilangan telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 21 peratus daripada RM18.1 bilion pada tahun 2010 kepada RM21.9 bilion pada tahun 2011. Pelaburan domestik menyumbang sebanyak 39 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2011.

Malaysia terus memberi keutamaan kepada sektor perkhidmatan sebagai satu langkah untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi negara. Pada tahun 2011, pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan berjumlah RM70.4 bilion, iaitu satu peningkatan sebanyak 91.8 peratus berbanding dengan RM36.7 bilion pada tahun 2010 dan telah melepasi tahap sebelum krisis pada tahun 2007 (RM66.4 bilion). Pelaburan domestik menyumbang bahagian terbesar jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2011 dengan RM52.5 bilion atau 74.6 peratus. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk mengambil perhatian bahawa pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan melonjak daripada RM4.1 bilion pada tahun 2010 kepada RM17.9 bilion pada tahun 2011, yang mewakili satu peningkatan sebanyak 336.6 peratus.

Selama lebih daripada empat dekad, MIDA telah memainkan peranan penting dalam mentransformasikan ekonomi negara. Selaras dengan inisiatif Kerajaan untuk mengubah Malaysia menjadi sebuah ekonomi yang maju dan berdaya saing menjelang tahun 2020, tumpuan MIDA dalam menarik pelaburan berkualiti adalah penting. Oleh itu, pendekatan yang lebih selektif dan sasaran dalam promosi pelaburan telah diterima pakai. Usaha juga akan dipergiat untuk mensasar dan menarik pelaburan dalam bidang di mana Malaysia mempunyai kelebihan daya saing yang kukuh, serta di dalam bidang pertumbuhan baru.

Melangkah ke hadapan, MIDA akan menerajui agenda pelaburan negara ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. MIDA akan memainkan peranan yang lebih penting dalam memastikan sektor swasta yang dinamik yang akan memberi lonjakan ketara dalam aktiviti pelaburan di dalam semua sektor ekonomi di bawah RMKe-10 dan ETP.

TAN SRI DR. SULAIMAN MAHBOB
Pengerusi, MIDA







# Bab 1

# PENGENALAN


10 PERKEMBANGAN GLOBAL

10 EKONOMI DOMESTIK

12 KESIMPULAN

# 1 PENGENALAN

Ekonomi global telah memasuki fasa baru ketidaktentuan pada tahun 2011 disebabkan oleh kegawatan kewangan di rantau Eropah dan kelembapan pertumbuhan ekonomi di Amerika Syarikat. Prospek pertumbuhan global menurun manakala risiko meningkat secara mendadak pada suku keempat 2011. Beberapa kejutan utama turut berlaku pada tahun 2011 yang memberi kesan terhadap ekonomi utama dunia, termasuk kebinasaan gempa bumi dan tsunami di Timur Jepun dan pergolakan di negara pengeluar minyak.

## PERKEMBANGAN GLOBAL

Berdasarkan Tinjauan Ekonomi Dunia yang telah dikemaskini oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bertarikh 24 Januari 2012, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia dianggarkan berkembang sebanyak 3.8 peratus pada tahun 2011 berbanding 5.2 peratus pada tahun 2010. Momentum pertumbuhan ini telah dibebani oleh kelemahan struktur yang berterusan dan isu fiskal di dalam ekonomi termaju, pembangunan geopolitik di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara serta kesan gangguan bencana semulajadi terhadap pengeluaran perkilangan global.

Meskipun terdapat krisis ekonomi dan kewangan, aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) global terus meningkat di dalam kesemua kumpulan ekonomi utama terutamanya disebabkan oleh dasar liberalisasi yang membantu aliran FDI serta pengenalan langkah baru dalam mengawal selia FDI.

Menurut *World Investment Report* 2012 oleh UNCTAD, aliran masuk FDI global meningkat sebanyak 16 peratus kepada US$1.5 trilion yang melebihi tahap purata semasa pra-krisis (2005-2007), iaitu US$1.47 trilion. Ekonomi Sedang Membangun dan Dalam Peralihan terus menarik separuh daripada aliran masuk FDI global pada tahun 2011. Kaji selidik Prospek Pelaburan Dunia (WIPS) pada tahun 2011 menekankan bahawa kepentingan berterusan Ekonomi Sedang Membangun dan Dalam Peralihan sebagai destinasi bagi aliran masuk FDI untuk tahun yang mendatang. Malaysia terus menarik aliran masuk FDI di tahap yang ketara pada tahun 2011 yang berjumlah US$11.9 bilion berbanding dengan US$9.1 bilion pada tahun 2010, yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 31.5 peratus.

## EKONOMI DOMESTIK

Dengan risiko dan ketidaktentuan senario ekonomi global, Malaysia mencatatkan prestasi yang baik pada tahun 2011 dengan mencapai pertumbuhan KDNK sebanyak 5.1 peratus disebabkan oleh permintaan tempatan serta disokong oleh pembesaran dalam pelaburan swasta. Perbelanjaan awam dan aktiviti pelaburan juga turut menyokong pertumbuhan tersebut.

Sektor perkilangan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.5 peratus pada tahun 2011. Sektor perkilangan kekal sebagai penyumbang utama kepada ekonomi, iaitu menyumbang 27.5 peratus kepada KDNK negara, 67.7 peratus jumlah eksport dan 28.7 peratus jumlah guna tenaga. Sektor ini berjaya menarik tahap pelaburan ketara yang lebih tinggi berjumlah RM56.1 bilion pada tahun 2011 berbanding RM47.2 bilion pada tahun 2010.

Sektor perkhidmatan juga adalah penyumbang utama kepada KDNK negara. Pada tahun 2011, sektor ini menyumbang sebanyak 58.6 peratus daripada KDNK Malaysia dengan pertumbuhan sebanyak 6.8 peratus. Guna tenaga dalam sektor perkhidmatan dianggarkan sebanyak 6.5 juta orang, atau 53.3 peratus daripada jumlah tenaga kerja negara. Pelaburan diluluskan dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2011 mencatatkan peningkatan ketara iaitu sebanyak 91.8 peratus kepada RM70.4 bilion berbanding RM36.7 bilion pada tahun 2010.

Sektor utama terdiri daripada tiga sub-sektor iaitu pertanian; perlombongan; perladangan dan komoditi. Sektor pertanian mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 5.6 peratus pada tahun 2011 dan menyumbang sebanyak 7.3 peratus kepada KDNK. Guna tenaga dalam sektor ini dianggarkan sebanyak 1.4 juta orang atau 11.5 peratus daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2011. Di samping itu, sektor perlombongan dan kuari mencatatkan penurunan sebanyak 5.7 peratus pada tahun 2011. Ia menyumbang sebanyak 6.3 peratus kepada KDNK. Guna tenaga dalam sektor ini dianggarkan sebanyak 42,000 orang pada tahun 2011. Sektor utama menyumbang kepada RM28.1 bilion daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2011.

Tahun 2011 menjadi penanda aras kepada pelaksanaan beberapa inisiatif utama Kerajaan seperti Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) yang meletakkan asas transformasi negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi seperti yang dihasratkan dalam Model Baru Ekonomi (MBE).

Malaysia terus menjadi destinasi yang berdaya saing dari segi kos bagi pelaburan dan telah berupaya menarik projek-projek pada tahap yang ketara. Pada tahun 2011, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam ekonomi Malaysia berjumlah RM154.6 bilion. Jumlah pelaburan yang diluluskan ini melebihi purata sasaran pelaburan tahunan iaitu RM115 bilion yang ditetapkan di bawah RMKe-10, iaitu sebanyak 34.4 peratus. Ini adalah pencapaian yang ketara pada tahun pertama bagi rancangan *roll-out* ETP dan menunjukkan Malaysia berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran pelaburan yang ditetapkan di bawah ETP menjelang tahun 2020 yang akan mentransformasikan Malaysia kepada negara berpendapatan tinggi. Petunjuk positif yang lain adalah pelaburan diluluskan dalam Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA) yang berjumlah RM87.4 bilion atau 56.5 peratus daripada jumlah pelaburan. Terdapat juga pelaburan ketara dalam projek yang diluluskan di dalam Bidang Bukan Keberhasilan Ekonomi Negara yang berjumlah RM67.2 bilion.

## KESIMPULAN

Di dalam situasi persekitaran yang semakin mencabar, ekonomi Malaysia diunjurkan akan mengalami pertumbuhan pada kadar stabil iaitu sebanyak 4 hingga 5 peratus pada tahun 2012. Permintaan tempatan dijangka kekal bertahan dan terus menjadi tunjang bagi pertumbuhan tersebut.

Beberapa langkah telah diumumkan dalam Bajet 2012 yang akan memberi sokongan kepada penggunaan swasta. Ini termasuk semakan kenaikan gaji bagi sektor awam dan bantuan kewangan secara *one-off* kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Pelaburan swasta akan disokong oleh industri berorientasi domestik dan juga pelaksanaan projek yang sedang dijalankan di bawah ETP. Sektor awam akan kekal menyokong pertumbuhan pada tahun 2012, dengan perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam bukan kewangan. Pelaksanaan Pakej Ransangan Khas melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta yang diumumkan pada Bajet 2012 akan memberikan lebih dorongan kepada aktiviti sebenar pada tahun tersebut.

Kerajaan akan terus mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menggalakkan pelaburan swasta sebagai pemacu utama ekonomi negara. Dalam hal ini, MIDA akan memainkan peranan penting dalam menerajui agenda pelaburan negara dengan strategi pelaburan baru yang digariskan bagi tahun 2012. Sebahagian daripada strategi ini termasuk menggerakkan pendekatan ekosistem dalam menggalakkan pelaburan dan membangunkan industri yang disasarkan; memenuhi keperluan sumber manusia para pelabur; menjenamakan semula imej Malaysia sebagai pusat bagi aktiviti berteknologi tinggi; mentransformasikan landskap pelaburan domestik dan meningkatkan peranan penyelarasan sebagai Agensi Penggalakan Pelaburan Pusat.


© 1995



Bab 2

# PRESTASI SEKTOR PERKILANGAN


16 **PRESTASI PELABURAN**

16 Projek Baru

17 Projek Pembesaran/Pelbagaian

18 Projek Berintensif Modal

18 Projek Berorientasi Eksport

19 Peluang Pekerjaan

19 Projek Diluluskan Mengikut Hak Milik

20 Sumber Utama Pelaburan Asing

20 Projek Diluluskan Mengikut Industri

21 Projek Diluluskan Mengikut Lokasi

22 Kadar Pelaksanaan

# 2 PRESTASI SEKTOR PERKILANGAN







## PRESTASI PELABURAN

Pada tahun 2011, Malaysia terus menarik tahap pelaburan berkualiti yang tinggi dalam sektor perkilangan. Ini mencerminkan kekuatan daya saing negara sebagai lokasi pilihan bagi pelaburan berteknologi tinggi di rantau ini.

**Carta 1 - Pelaburan dalam Projek Diluluskan, 2006-2011**




| | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Jumlah (RM bilion) | 46.0 | 59.9 | 62.8 | 32.6 | 47.2 | 56.1 |
| Pelaburan Domestik | 25.8 | 26.5 | 16.7 | 10.5 | 18.1 | 21.9 |
| Pelaburan Asing | 20.2 | 33.4 | 46.1 | 22.1 | 29.1 | 34.2 |

Malaysia telah menarik jumlah pelaburan bernilai RM56.1 bilion di dalam sektor perkilangan pada tahun 2011 berbanding dengan RM47.2 bilion pada tahun 2010 dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 18.8 peratus. Pelaburan asing menyumbang sebanyak RM34.2 bilion atau 61 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Selaras dengan seruan Kerajaan supaya pelabur-pelabur domestik memainkan peranan yang lebih penting di bawah ETP, pelaburan domestik yang diluluskan dalam sektor perkilangan telah meningkat daripada RM18.1 bilion pada tahun 2010 kepada RM21.9 bilion pada tahun 2011.

### Projek Baru

Daripada 846 projek yang diluluskan pada tahun 2011, sebanyak 511 projek (60.4%) adalah projek baru melibatkan pelaburan sebanyak RM33.1 bilion atau 59 peratus daripada jumlah pelaburan. Pelaburan dalam projek-projek baru pada tahun 2011 tertumpu dalam industri produk elektrik dan elektronik (E&E) (RM11.2 bilion), produk logam asas (RM7.3 bilion), kimia dan produk kimia (RM3.5 bilion), pengilangan makanan (RM2.8 bilion), produk galian bukan logam (RM2.3 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM2 bilion) serta produk logam fabrikasi (RM1.1 bilion).

**Carta 2 - Pelaburan dalam Projek Baru Mengikut Industri, 2011**




## Projek Pembesaran/Pelbagaian

Pelabur sedia ada kekal positif dan terus menjalankan aktiviti pembesaran/pelbagaian pada tahun 2011. Daripada jumlah projek yang diluluskan, 335 projek adalah projek pembesaran/pelbagaian yang melibatkan pelaburan sebanyak RM23 bilion, yang mewakili 41 peratus daripada jumlah pelaburan. Pelaburan dalam projek-projek pembesaran/pelbagaian ini kebanyakannya adalah di dalam industri produk E&E (RM8.8 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM3.9 bilion), produk logam asas (RM2.6 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (RM2.6 bilion) serta kimia dan produk kimia (RM1.5 bilion).

**Carta 3 - Pelaburan dalam Projek Pembesaran/Pelbagaian Mengikut Industri, 2011**



## Projek Berintensif Modal

Trend yang menggalakkan dalam projek-projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun 2011 menunjukkan bahawa pelabur-pelabur asing dan domestik terus menerima secara positif inisiatif Kerajaan untuk menggalak pelaburan dalam industri berintensif modal, berasaskan kemahiran dan pengetahuan, bernilai tambah tinggi dan berteknologi tinggi. Ini diperlihatkan melalui peningkatan dalam nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja (CIPE) bagi projek-projek perkilangan yang diluluskan. Nisbah CIPE bagi projek perkilangan telah mencatatkan trend meningkat daripada RM167,638 pada tahun 1990 kepada RM557,894 pada tahun 2011.

Sebanyak 92 projek berintensif modal dengan pelaburan sebanyak RM100 juta atau lebih bagi setiap satu projek yang melibatkan pelaburan asing telah diluluskan pada tahun 2011. Projek-projek ini melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM46.9 bilion atau 83.6 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Projek-projek berintensif modal ini telah diluluskan dalam pelbagai industri termasuk produk E&E (28 projek/RM18.7 bilion), produk logam asas (13 projek/RM9.4 bilion), kelengkapan pengangkutan (15 projek/RM4.9 bilion), kimia dan produk kimia (7 projek/RM4 bilion), pengilangan makanan (10 projek/RM2.6 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (5 projek/RM2.6 bilion) dan produk galian bukan logam (4 projek/RM2.2 bilion).

## Projek Berorientasi Eksport

Daripada 846 projek yang diluluskan pada tahun 2011, sebanyak 274 projek (32.4%) adalah projek-projek berorientasi eksport yang melibatkan eksport sekurang-kurangnya 80 peratus daripada pengeluaran. Jumlah pelaburan dalam projek-projek berorientasi eksport bernilai RM24.7 bilion, yang mana RM20.1 bilion (81.4%) adalah pelaburan asing manakala RM4.6 bilion (18.6%) adalah pelaburan domestik.

Projek-projek yang berorientasi eksport ini adalah terutamanya dalam industri produk E&E (RM13.7 bilion), produk logam asas (RM3.5 bilion), pengilangan makanan (RM2.2 bilion), kimia dan produk kimia (RM1.6 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM513.4 juta), produk getah (RM499.9 juta) serta produk logam fabrikasi (RM479.1 juta).

## Peluang Pekerjaan

Projek diluluskan pada tahun 2011 dijangka akan menjana sebanyak 100,533 peluang pekerjaan, di mana 62,584 atau 62.3 peratus adalah dalam kategori pengurusan, teknikal, penyeliaan dan pekerja mahir. Industri yang akan mewujudkan peluang pekerjaan yang tinggi dalam kategori ini adalah industri produk E&E (26,281), kelengkapan pengangkutan (7,892), produk logam asas (4,793), produk getah (2,584), jentera dan peralatan (2,584) dan pengilangan makanan (2,573). Peratusan pekerjaan yang tinggi dalam kategori pengurusan, teknikal, penyeliaan dan pekerja mahir memperlihatkan keperluan industri yang sentiasa berubah selaras dengan tumpuan kepada industri bernilai tambah yang lebih tinggi, berteknologi tinggi dan berintensifkan pengetahuan.

## Projek Diluluskan Mengikut Hak Milik

### *Pelaburan Domestik*

Kerajaan juga telah meningkatkan tumpuan kepada usaha menggalakkan pelaburan langsung domestik (DDI) bagi melengkapkan aliran masuk pelaburan asing dan memperkukuhkan lagi sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pada masa ini, Kerajaan sedang merangka strategi pembangunan negara yang bersepadu bagi menggalakkan pelaburan domestik yang memberi tumpuan kepada subsektor terpilih untuk lebih berdaya saing di peringkat global.

Pelaburan domestik dalam projek-projek yang diluluskan pada tahun 2011 berjumlah RM21.9 bilion atau 39 peratus daripada jumlah pelaburan. Sebahagian besar daripada pelaburan domestik yang diluluskan pada tahun 2011 berjumlah RM12.9 bilion adalah dalam projek-projek baru, manakala RM9 bilion adalah dalam projek pembesaran/pelbagaian. Pelaburan domestik terutamanya adalah dalam industri produk logam asas (RM6.3 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM4.9 bilion), kimia dan produk kimia (RM1.7 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (RM1.7 bilion) dan produk E&E (RM1.4 bilion).

### *Pelaburan Asing*

Di sebalik persaingan sengit di peringkat tertinggi serantau dan global untuk FDI, Malaysia kekal sebagai destinasi yang menarik bagi pelaburan asing dalam sektor perkilangan seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan dalam pelaburan asing pada tahun 2011 berbanding dengan tahun 2010. Pelaburan asing berjumlah RM34.2 bilion atau 61 peratus daripada jumlah pelaburan telah diluluskan pada tahun 2011 berbanding dengan RM21.9 bilion pada tahun 2010.

Pelaburan asing terutamanya adalah dalam industri produk E&E (RM18.7 bilion) diikuti oleh produk logam asas (RM3.6 bilion), kimia dan produk kimia (RM3.2 bilion), pengilangan makanan (RM2.6 bilion), galian bukan logam (RM1.5 bilion) dan kelengkapan pengangkutan (RM1.1 bilion). Pelaburan asing dalam projek-projek baru berjumlah RM20.2 bilion pada tahun 2011 manakala pelaburan semula oleh pelabur asing berjumlah RM14 bilion atau kira-kira 70 peratus daripada jumlah pelaburan semula (RM23 bilion).

## Sumber Utama Pelaburan Asing

Lima sumber utama pelaburan asing pada tahun 2011 ialah Jepun (RM10.1 bilion), Republik Korea (RM5.2 bilion), Amerika Syarikat (RM2.5 bilion), Singapura (RM2.5 bilion) dan Arab Saudi (RM2.2 bilion). Lima negara ini menyumbang kira-kira 66 peratus daripada jumlah pelaburan asing dalam projek-projek yang diluluskan. Mengikut rantau, Asia menyumbang sebahagian besar dengan jumlah pelaburan sebanyak RM24.4 bilion, diikuti oleh Eropah (RM4.3 bilion) dan Amerika Utara (RM2.9 bilion).

## Projek Diluluskan Mengikut Industri

Pada tahun 2011, industri E&E kekal sebagai industri peneraju dari segi bilangan projek yang diluluskan (129 projek) serta pelaburan (RM20.1 bilion). Ini diikuti oleh industri produk logam asas (RM9.9 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM6 bilion), kimia dan produk kimia (RM5 bilion), pengilangan makanan (RM3.7 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (RM2.7 bilion), produk galian bukan logam (RM2.6 bilion) dan produk logam fabrikasi (RM1.4 bilion). Lapan industri ini menyumbang sebanyak RM51.4 bilion atau 91.6 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.

**Carta 4 - Pelaburan dalam Projek Diluluskan Mengikut Industri Utama, 2011**



## Projek Diluluskan Mengikut Lokasi

Sebilangan besar projek yang diluluskan pada tahun 2011 telah dicadangkan untuk ditempatkan di negeri Selangor (263 projek), Johor (188 projek), Pulau Pinang (109 projek), Sarawak (43 projek), Kedah (42 projek), Melaka (39 projek) dan Negeri Sembilan (38 projek). Kesemua tujuh negeri ini menyumbang sebanyak 722 projek atau 85.3 peratus daripada jumlah projek yang diluluskan (846) pada tahun 2011.

Dari segi pelaburan, Pulau Pinang (RM9.1 bilion) mencatatkan tahap pelaburan tertinggi diikuti oleh Selangor (RM8.7 bilion), Sarawak (RM8.5 bilion), Johor (RM6.6 bilion), Kedah (RM6.1 bilion), Negeri Sembilan (RM5.9 bilion) dan Melaka (RM4.4 bilion).

**Carta 5 - Pelaburan dalam Projek Perkilangan Diluluskan Mengikut Negeri, 2011**




*Nota: Angka di dalam kurungan merujuk kepada bilangan projek diluluskan*

## Kadar Pelaksanaan

Dalam tempoh 2007 hingga 2011, sejumlah 4,390 projek perkilangan telah diluluskan, di mana 3,355 projek telah dilaksanakan (termasuk projek-projek yang telah memulakan pengeluaran, membina kilang atau memasang jentera) dengan jumlah pelaburan sebanyak RM140.3 bilion. Daripada 4,390 projek tersebut, 3,121 projek (71.1%) telah memulakan pengeluaran, manakala 234 projek (5.3%) berada di peringkat pembinaan kilang dan pemasangan jentera. Daripada 3,121 projek-projek dalam pengeluaran, 344 projek telah memulakan pengeluaran pada tahun 2011.

Selain itu, 76 projek dengan pelaburan sebanyak RM24.7 bilion juga telah memperoleh tapak kilang, manakala 779 projek (RM84.3 bilion) berada di peringkat perancangan aktif. Apabila 855 projek ini dilaksanakan, jumlah pelaburan yang akan dijana bernilai RM109 bilion.

**Carta 6 - Status Pelaksanaan Projek Perkilangan Diluluskan bagi Tempoh 2007-2011**







Bab 3

# PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN


| | | | |
|---|---|---|---|
| 26 | **TINJAUAN** | 30 | **PERKHIDMATAN SOKONGAN** |
| 27 | **PERTUBUHAN SERANTAU** | 31 | Tenaga Boleh Diperbaharui (RE) |
| 28 | Ibu Pejabat Operasi (OHQ) | 32 | Kecekapan/Penjimatan Tenaga |
| 28 | Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC) | 32 | Aktiviti Rangkaian Sejuk |
| 29 | Pusat Pengedaran Serantau (RDC) | 33 | Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS) |
| 29 | Pejabat Serantau/Perwakilan (RO/RE) | 33 | Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) |
| 29 | **HAB OPERASI GLOBAL** | 33 | Perkhidmatan Sokongan Pemasaran Bersepadu (IMS) |

# 3 PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN







## TINJAUAN

Sektor perkhidmatan telah dikenalpasti sebagai enjin pertumbuhan ekonomi utama di Malaysia. Sektor ini terdiri daripada pelbagai perkhidmatan termasuk pertubuhan serantau; perkhidmatan sokongan; syarikat-syarikat berstatus MSC; hartanah (perumahan); pengangkutan; tenaga; telekomunikasi; perdagangan pengedaran; hotel dan pelancongan; perkhidmatan kewangan; perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan pendidikan.

Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama kepada KDNK. Pada tahun 2011, sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak 58.6 peratus kepada KDNK dengan kadar pertumbuhan sebanyak 6.8 peratus[1]. Jumlah pekerjaan dalam sektor perkhidmatan adalah dianggarkan sebanyak 6.5 juta orang atau 53.3 peratus daripada jumlah guna tenaga[2]. Produktiviti sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 4.3 peratus pada tahun 2011[3] yang diterajui oleh subsektor komunikasi; utiliti; serta pengangkutan dan penyimpanan di mana masing-masing berkembang sebanyak 6.8 peratus, 5.5 peratus dan 5.4 peratus.

Sejumlah 4,006 projek dengan pelaburan sebanyak RM70.4 bilion telah diluluskan dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2011. Jumlah ini telah melepasi tahap pra-krisis pada tahun 2007 (RM66.4 bilion). Daripada jumlah pelaburan, pelaburan domestik berjumlah RM52.5 bilion dan pelaburan asing berjumlah RM17.9 bilion. Projek yang diluluskan dalam tempoh ini dijangka menyediakan 43,867 peluang pekerjaan.

---

1 Jabatan Perangkaan
2 Laporan Ekonomi 2011/2012, Kementerian Kewangan, Malaysia
3 Perbadanan Produktiviti Malaysia

**Jadual 1 - Pelaburan Diluluskan dalam Sektor Perkhidmatan**

| Subsektor Perkhidmatan | Bilangan | RM juta |
|---|---|---|
| Pertubuhan Serantau | 112 | 291.8 |
| Hab Operasi Global | 4 | 9,644.8 |
| Perkhidmatan Sokongan | 132 | 1,133.9 |
| Syarikat Berstatus MSC | 215 | 2,513.1 |
| Hartanah (Perumahan) | 1,422 | 17,305.9 |
| Telekomunikasi | 40 | 9,121.3 |
| Pengangkutan | 34 | 11,720.1 |
| Tenaga | N/A | 6,141.7 |
| Hotel dan Pelancongan | 64 | 1,919.8 |
| Perdagangan Pengedaran | 1,498 | 2,517.6 |
| Perkhidmatan Pendidikan | 383 | 1,457.4 |
| Perkhidmatan Kewangan | 61 | 5,738.1 |
| Perkhidmatan Kesihatan | 16 | 712.5 |
| Lain-lain | 25 | 189.4 |
| **Jumlah** | **4,006** | **70,407.4** |

## PERTUBUHAN SERANTAU

Setakat 31 Disember 2011, sejumlah 3,031 pertubuhan serantau telah diluluskan di Malaysia, yang terdiri daripada 217 Ibu Pejabat Operasi (OHQ), 223 Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC), 28 Pusat Pengedaran Serantau (RDC), 841 Pejabat Serantau (RO) dan 1,749 Pejabat Perwakilan (RE).

Banyak syarikat besar dan syarikat multinasional (MNC) telah memilih Malaysia bagi menubuhkan operasi serantau dan global mereka. Daya tarikan dari segi persekitaran kewangan, kemahiran dan kebolehsediaan pekerja serta persekitaran perniagaan telah menempatkan Malaysia di tempat ketiga teratas dalam Indeks Penempatan Perkhidmatan Global 2011™ (GSLI) oleh AT Kearney dan seterusnya telah membantu untuk menarik pertubuhan serantau ke negara ini.

Antara sebab utama yang dipertimbangkan oleh MNC bagi menubuhkan operasi serantau mereka di Malaysia adalah infrastruktur bertaraf dunia, jalinan hubungan yang baik, pakej insentif pelaburan yang menarik termasuk insentif cukai dan polisi liberal terhadap penyertaan ekuiti asing dan penggajian pegawai dagang.

Pada tahun 2011, sejumlah 112 pertubuhan serantau baru telah diluluskan untuk ditubuhkan di Malaysia dengan pelaburan bernilai RM291.8 juta. Operasi ini akan mewujudkan sebanyak 904 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia, terutamanya di peringkat pengurusan, profesional dan teknikal.

## Ibu Pejabat Operasi (OHQ)

Pada tahun 2011, sebanyak 18 OHQ telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM163 juta. Daripada jumlah ini, empat adalah dari Singapura, dua masing-masing dari United Kingdom dan Malaysia, satu masing-masing dari Belanda, Australia, Norway, Luxembourg, Perancis, Jepun dan Bermuda manakala baki dua lagi projek merupakan projek usahasama di antara Hong Kong dan Malaysia dan di antara Singapura dan India. Sebanyak 125 jawatan pegawai dagang telah diluluskan kepada OHQ ini dan 571 peluang pekerjaan akan diwujudkan kepada rakyat Malaysia.

Projek-projek OHQ ini terlibat terutamanya dalam industri minyak dan gas, kewangan, E&E, pembinaan, makanan dan minuman, kayu, logistik, penjagaan kesihatan dan informatik kesihatan, farmaseutikal, kimia, automotif, perkhidmatan tenaga dan kejuruteraan, IT dan bioteknologi.

## Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC)

Syarikat multinasional yang mempunyai rangkaian pusat pengeluaran yang kukuh di rantau Asia Pasifik telah menubuhkan operasi IPC di negara ini. IPC ini berfungsi sebagai pusat perolehan dan pengedaran serta menjalankan pengurusan rantaian bekalan bagi operasi perkilangan di Malaysia dan luar negara.

Enam projek IPC telah diluluskan pada tahun 2011 dengan pelaburan sebanyak RM70.5 juta dan anggaran jualan tahunan sebanyak RM1.5 bilion. Daripada enam IPC yang diluluskan, satu masing-masing dari Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom, India dan Malaysia manakala satu adalah syarikat usahasama antara Yaman dan Kepulauan Cayman. IPC ini akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 132 rakyat Malaysia terutamanya dalam kategori pengurusan, teknikal dan mahir. IPC ini bakal memperoleh sejumlah RM5.2 bilion nilai produk daripada syarikat tempatan.

### Pusat Pengedaran Serantau (RDC)

Pada tahun 2011, satu RDC telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM10 juta dan jumlah jualan tahunan sebanyak RM104 juta. RDC yang diluluskan adalah untuk sebuah syarikat Jepun yang terlibat dalam filem pembungkusan, filem industri dan helaian berfungsi. RDC ini akan mengedarkan produk siap yang kebanyakannya diperolehi daripada syarikat berkaitannya di Jepun dan diedarkan kepada pelanggan di Singapura, Filipina dan Jerman.

### Pejabat Serantau/Perwakilan (RO/RE)

RO dan RE ditubuhkan untuk membantu syarikat-syarikat asing merancang atau menyelaras aktiviti-aktiviti perniagaan untuk ahli gabungan, anak syarikat dan ejen mereka di Malaysia dan rantau ini. Penubuhan RO dan RE ini akan menyediakan peluang kepada syarikat-syarikat untuk menubuhkan OHQ/IPC/RDC dalam jangka masa panjang.

Pada tahun 2011, sebanyak 32 RO dan 55 RE telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM48.3 juta. Daripada jumlah itu, pelaburan untuk RO dan RE masing-masing berjumlah RM24.4 juta dan RM23.9 juta. RO/RE ini adalah terutamanya dari Singapura (11), Perancis (6), Jepun (5), Amerika Syarikat (4), United Kingdom (4) dan Republik Rakyat China (3) serta satu masing-masing dari Jerman, Iran, Hong Kong, India, Sepanyol, Sweden, Qatar, Thailand, Belgium, Republik Korea dan Australia. RO dan RE ini dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 193 rakyat Malaysia.

## HAB OPERASI GLOBAL

MIDA juga telah meluluskan empat projek yang bercadang untuk menjadikan Malaysia sebagai Hab Operasi Global. Projek-projek ini mempunyai pelaburan yang besar dengan kesan limpahan yang ketara ke atas ekonomi termasuk penyediaan peluang pekerjaan mahir.

Pada tahun 2011, empat syarikat telah diluluskan insentif cukai untuk menjalankan Hab Operasi Global dengan jumlah pelaburan sebanyak RM9.6 bilion. Projek yang diluluskan adalah seperti berikut:

- Hab Pengedaran Serantau (RDH) dan aktiviti perkilangan oleh salah satu pengeluar terbesar di dunia bagi bijih dan pelet besi yang merupakan bahan mentah utama dalam industri keluli dan nikel serta digunakan untuk menghasilkan keluli tahan karat, bateri, aloi khas, bahan kimia dan produk lain di Perak;

- Hab Operasi Global oleh sebuah syarikat semikonduktor analog dan digital yang akan dilaksanakan di Pulau Pinang. Syarikat tersebut telah menggabungkan kesemua aktiviti pengurusan rantaian seluruh dunia di Malaysia yang merangkumi perolehan wafer silikon dan perkhidmatan pembungkusan, pemasangan, pengujian litar bersepadu (IC), R&D proses perkilangan (perkakasan dan pembangunan perisian, simulasi ujian) dan perancangan pengeluaran;

- Sebuah syarikat infrastruktur dan kewangan dari India telah memutuskan untuk melaksanakan Pusat Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery Centre*) di Taman Sains Selangor, Cyberjaya, Selangor. Projek ini akan mewujudkan peluang pekerjaan terutamanya bagi jurutera perisian berkemahiran tinggi. Ia juga akan terus meningkatkan penggunaan perkhidmatan tempatan seperti insurans, logistik, utiliti, undang-undang, audit, perundingan cukai, penggunaan infrastruktur tempatan seperti pelabuhan dan lapangan terbang serta penyumberan luar perniagaan kepada syarikat Malaysia untuk perkhidmatan seperti keselamatan, kejuruteraan dan pengurusan fasilitasi; dan

- Sebuah Pusat Kejuruteraan Serantau (REC) akan ditubuhkan oleh syarikat pemakanan, kesihatan dan kesejahteraan terkemuka di dunia yang beribu pejabat di Switzerland. Kumpulan syarikat ini telah berada di Malaysia selama 100 tahun yang lepas dan mengeluarkan pelbagai produk makanan. Syarikat ini di Malaysia adalah pengeluar halal terbesar dalam kumpulan syarikat yang mewajarkan syarikat diiktiraf sebagai Pusat Kecemerlangan Halal bagi kumpulan tersebut di seluruh dunia.

## PERKHIDMATAN SOKONGAN

Perkhidmatan sokongan seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D), tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan/penjimatan tenaga, reka bentuk kejuruteraan, perkhidmatan logistik bersepadu, perkhidmatan sokongan pemasaran bersepadu, kemudahan rangkaian sejuk, pensterilan, kemudahan utiliti berpusat serta institut latihan teknikal, vokasional dan sains adalah antara aktiviti perkhidmatan yang sedang digalakkan oleh Kerajaan bagi meningkatkan tambahan nilai sektor perkilangan di Malaysia. Penyedia perkhidmatan yang menjalankan aktiviti-aktiviti ini layak untuk memohon insentif cukai dalam bentuk Taraf Perintis (PS) dan Elaun Cukai Pelaburan (ITA) bagi tempoh lima hingga 10 tahun.

Pada tahun 2011, sebanyak 56 projek perkhidmatan sokongan telah diluluskan dengan insentif cukai yang melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM518.4 juta. Pelaburan domestik yang berjumlah RM470.3 juta terus menguasai sektor perkhidmatan sokongan manakala pelaburan asing bernilai RM48.1 juta. Sebanyak 983 peluang pekerjaan akan diwujudkan oleh projek-projek ini.

**Jadual 2 - Pelaburan dalam Perkhidmatan Sokongan yang Diluluskan, 2011**

| Perkhidmatan Sokongan | Bilangan | RM juta |
|---|---|---|
| Tenaga Boleh Diperbaharui | 36 | 424.4 |
| Kecekapan/Penjimatan Tenaga | 12 | 21.9 |
| Aktiviti Rangkaian Sejuk | 1 | 15.7 |
| Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS) | 1 | 9.2 |
| Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) | 3 | 7.6 |
| Perkhidmatan Sokongan Pemasaran Bersepadu | 1 | 2.5 |
| Lain-lain | 2 | 37.1 |
| **Jumlah** | **56** | **518.4** |

## Tenaga Boleh Diperbaharui (RE)

Sumber-sumber utama penjanaan tenaga boleh diperbaharui adalah termasuk biomas seperti sisa dari kelapa sawit, padi, tebu, kayu, kilang papan dan kilang kitar semula kertas; sisa pepejal; biogas daripada tapak pelupusan, sisa efluen kilang sawit dan sisa buangan haiwan; mini hidro; solar; dan angin. Dalam sektor RE ini, sumber biomas dan tenaga solar digunakan secara meluas bagi penjanaan elektrik, yang menyumbang sebanyak 90 peratus daripada sumber tenaga boleh diperbaharui.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kerajaan telah menetapkan sasaran sebanyak 5.5 peratus daripada jumlah penjanaan tenaga elektrik atau 985MW adalah daripada tenaga boleh diperbaharui menjelang tahun 2015. Kerajaan juga sedang berusaha menyediakan mekanisma *Feed-in-Tariff* bagi membolehkan penjualan tenaga elektrik yang dijana daripada pelbagai sumber boleh diperbaharui kepada pembekal tenaga pada harga premium yang tetap untuk tempoh tertentu.

Pada tahun 2011, sebanyak 36 projek tenaga boleh diperbaharui telah diluluskan dengan insentif cukai berbanding dengan 21 projek pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, projek-projek ini secara umumnya adalah berskala kecil dengan jumlah keseluruhan pelaburan sebanyak RM424.4 juta (2010: RM563.7 juta). Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, 95 peratus adalah pelaburan domestik.

Daripada 36 projek yang diluluskan, 19 projek akan menggunakan tenaga solar, 15 projek akan menggunakan biomas termasuk biogas, satu projek bersepadu yang menggunakan kedua-dua tenaga solar dan biogas dan satu projek menggunakan sisa buangan haiwan bagi menjana tenaga boleh diperbaharui.

## Kecekapan/Penjimatan Tenaga

Penjimatan tenaga atau penggunaan tenaga dengan cara yang lebih cekap adalah penting untuk memelihara alam sekitar dan mencapai pembangunan mampan. Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk menggalakkan industri dan pengguna supaya memelihara alam sekitar dengan menggunakan peralatan dan produk cekap tenaga. Pada tahun 2011, potongan harga telah diberikan bagi menggalakkan isi rumah kelas pertengahan untuk membeli peralatan cekap tenaga di bawah program Mencapai Kelestarian Melalui Kecekapan Tenaga (SAVE). Bagi komuniti perniagaan, syarikat boleh memohon insentif cukai, pengecualian duti import dan cukai jualan tertakluk kepada garis panduan bagi permohonan tersebut.

Pada tahun 2011, sebanyak 12 syarikat telah diluluskan dengan insentif cukai bagi menjalankan projek kecekapan/penjimatan tenaga. Jumlah pelaburan yang diluluskan bernilai RM21.9 juta, yang mana 86.8 peratus adalah pelaburan domestik.

## Aktiviti Rangkaian Sejuk

Syarikat yang menyediakan aktiviti rangkaian sejuk seperti perkhidmatan bilik sejuk dan trak sejuk bagi hasil pertanian mudah rosak seperti buah-buahan, sayur-sayuran, bunga-bungaan, pucuk-pucuk daun, daging dan produk hidupan air adalah layak mendapat galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan.

Pada tahun 2011, sebuah syarikat milik penuh rakyat Malaysia telah diluluskan insentif ini bagi menyediakan aktiviti rangkaian sejuk dengan jumlah pelaburan sebanyak RM15.7 juta di Pulau Pinang. Syarikat akan menyewa kemudahan bilik sejuknya kepada syarikat-syarikat Malaysia di kawasan yang mengumpulkan produk mudah rosak daripada petani, penternak dan nelayan tempatan. Syarikat juga akan menjalankan aktiviti bernilai ditambah seperti permbersihan, pengupasan, pengredan, pembekuan dan pembungkusan berdasarkan keperluan pelanggan.

## Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS)

Aktiviti Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS) terdiri daripada penghantaran, pergudangan, pengangkutan dan perkhidmatan nilai ditambah yang berkaitan lain seperti pengedaran, perolehan dan pengurusan rantaian bekalan yang dilaksanakan berdasarkan prinsip bersepadu.

Syarikat ILS yang diluluskan diberi pilihan insentif samada Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan. Insentif ini telah dirangka bagi mewujudkan industri logistik yang cekap dan berdaya saing di samping menggalakkan integrasi dan penyatuan pelbagai pengantara pengangkutan di sepanjang rantaian bekalan logistik di Malaysia. Dalam hal ini, syarikat-syarikat Malaysia digalak untuk membesarkan operasi dan meneroka ke dalam perkhidmatan bernilai ditambah lebih tinggi bagi membolehkan mereka bersaing di peringkat antarabangsa.

Pada tahun 2011, sebuah syarikat ILS telah diluluskan. Ia merupakan sebuah projek baru oleh syarikat milik rakyat Malaysia yang sebelum ini terlibat dalam aktiviti pembinaan. Syarikat itu menceburi aktiviti logistik iaitu penghantaran, pergudangan, pengangkutan, pengedaran serta perkhidmatan bernilai ditambah seperti pembungkusan, pembungkusan semula dan pelabelan semula dengan pelaburan sebanyak RM9.2 juta di Bintulu, Sarawak.

## Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Aktiviti R&D merangkumi reka bentuk perindustrian (pembangunan produk dan proses termasuk mereka bentuk dan prototaip) dan perkhidmatan penyelidikan yang disediakan oleh pusat reka bentuk, syarikat kontrak R&D, syarikat R&D dan institusi penyelidikan/syarikat R&D yang diluluskan.

Pada tahun 2011, tiga syarikat R&D kontrak telah diluluskan insentif cukai dengan jumlah pelaburan sebanyak RM7.6 juta.

## Perkhidmatan Sokongan Pemasaran Bersepadu (IMS)

Perkhidmatan Sokongan Pemasaran Bersepadu (IMS) terdiri daripada aktiviti-aktiviti penjenamaan, penyelidikan pasaran dan pengurusan perhubungan pelanggan. Pada tahun 2011, satu projek milik asing telah diluluskan dengan insentif cukai yang melibatkan pelaburan sebanyak RM2.5 juta.





Bab 4

# PENGGALAKAN PELABURAN ASING


36 Misi Perdagangan dan Pelaburan

37 Lawatan oleh YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri MITI, YB Timbalan Menteri MITI dan Ketua Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif MIDA

38 Misi Projek Spesifik

40 Seminar/Forum/Taklimat Antarabangsa yang dianjur dan disertai oleh MIDA

40 Lawatan oleh Pelabur/Delegasi Asing

41 Pertanyaan Diterima dan Taklimat Diberikan

41 Program Wartawan dan Program Pemimpin Industri

42 Aktiviti Perhubungan Awam

42 *Invest Malaysia* 2011

42 Forum Pelaburan Global

43 Persidangan CEO Forbes Global 2011

# 4 PENGGALAKAN PELABURAN ASING







Malaysia telah melaksanakan pendekatan yang lebih berfokus bagi mengenalpasti negara pelabur yang mempunyai kelebihan terutama dari segi industri dan teknologi terpilih dalam usaha menarik dan mensasarkan FDI. Pelbagai inisiatif ditawarkan bagi memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi yang menarik bagi aliran FDI global. Inisiatif-inisiatif ini sentiasa dikaji dan dipantau dari masa ke masa secara berterusan bagi memastikan keberkesanannya.

Pada tahun 2011, MIDA telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti promosi bagi menggalak dan menarik pelaburan asing dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Program yang telah dilaksanakan termasuk Misi Perdagangan dan Pelaburan, Mesyuarat Meja Bulat dan Mini Seminar, Misi Projek Spesifik, Seminar/Forum/Dialog Antarabangsa dengan dewan perdagangan asing, Program Pemimpin Industri dan pengiklanan dan *advertorial*. Program-program ini telah disasarkan untuk menarik pelaburan baru serta menggalakkan pelaburan semula (pembesaran dan pelbagaian) terutama dalam industri berteknologi tinggi, berintensif modal, berintensif pengetahuan dan bernilai ditambah tinggi.

## Misi Perdagangan dan Pelaburan

Pada tahun 2011, MIDA telah menganjur dan mengambil bahagian dalam tujuh misi perdagangan dan pelaburan di luar negara. Misi ini diwakili oleh pegawai Kerajaan Malaysia termasuk pegawai dari Kerajaan negeri serta wakil-wakil dari sektor swasta. Bersempena dengan misi ini, seminar mengenai peluang-peluang perdagangan dan pelaburan di Malaysia dan Mesyuarat Meja Bulat telah dianjurkan.

**Jadual 3 - Misi Perdagangan dan Pelaburan, 2011**

| Bil. | Program | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Syria | 31 Januari - 2 Februari |
| 2. | Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Algeria | 26 Februari - 4 Mac |
| 3. | Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Eropah (Berlin, Vienna dan Paris) | 26 Mac - 3 April |
| 4. | Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Amerika Syarikat (New York, Boston dan San Jose) | 16 - 24 Mei |
| 5. | Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Jepun (Tokyo dan Osaka) | 17 - 21 Julai |
| 6. | Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Eropah (Milan, Stockholm dan Oslo) | 26 September - 1 Oktober |
| 7. | Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Hong Kong dan China (Chengdu, Beijing dan Nanning) | 15 - 20 Oktober |

## Lawatan oleh YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri MITI, YB Timbalan Menteri MITI dan Ketua Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif MIDA

Pada tahun 2011, MIDA juga terlibat dalam penganjuran seminar, mesyuarat meja bulat, mesyuarat tertutup dan lawatan ke syarikat sempena dengan lawatan rasmi YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri MITI, YB Timbalan Menteri MITI dan Ketua Pengarah (KP) / Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) MIDA.

**Jadual 4 - Lawatan oleh YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri MITI, YB Timbalan Menteri MITI dan KP/KPE MIDA pada tahun 2011**

| Bil. | Program | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Taklimat Mengenai Peluang Pelaburan di Malaysia semasa *Invest Malaysia*, Abu Dhabi, Emiriyah Arab Bersatu yang diketuai oleh YAB PM | 30 Januari |
| 2. | Mesyuarat Meja Bulat dengan Pemimpin Industri di Istanbul, Turki sempena lawatan YAB PM | 22 - 23 Februari |
| 3. | Mesyuarat Meja Bulat dengan Pemimpin Industri sempena lawatan rasmi YAB PM ke Australia | 1 - 4 Mac |
| 4. | Mesyuarat Meja Bulat dengan Pemimpin Industri bersempena dengan lawatan YAB TPM ke India | 9 Mac |
| 5. | Seminar Peluang Perniagaan di Seoul sempena lawatan rasmi YAB PM ke Korea | 4 - 6 April |
| 6. | Taklimat Peluang Pelaburan di Malaysia semasa Pameran Perkhidmatan Malaysia 2011, Abu Dhabi yang diketuai oleh YB Menteri MITI | 16 - 18 April |
| 7. | Mesyuarat Meja Bulat dengan Pemimpin Industri bersempena dengan lawatan YAB TPM ke Republik Rakyat China | 18 - 22 April |
| 8. | Lawatan rasmi YB Menteri MITI ke Indonesia dan Singapura | 4 - 9 Mei |
| 9. | Taklimat Peluang Pelaburan di Malaysia semasa Mesyuarat Pelaburan Tahunan Pertama, Dubai yang diketuai oleh KP MIDA | 10 - 12 Mei |
| 10. | Mesyuarat Meja Bulat dengan Pemimpin Industri di Doha, Qatar sempena lawatan YAB PM | 14 - 15 Mei |
| 11. | Mesyuarat Meja Bulat dengan Pemimpin Industri sempena lawatan kerja YAB PM ke Jepun | 24 - 27 Mei |

**Jadual 4 - Lawatan oleh YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri MITI, YB Timbalan Menteri MITI dan KP/KPE MIDA pada tahun 2011 (sambungan)**

| Bil. | Program | Tarikh |
|---|---|---|
| 12. | Mesyuarat Meja Bulat dengan Pemimpin Industri di Lausanne dan Zurich, Switzerland yang diketuai oleh KP MIDA | 9 - 10 Jun |
| 13. | Mesyuarat Meja Bulat dengan Pemimpin Industri bersama-sama dengan YB Menteri MITI sempena lawatan ke Jepun | 29 Jun |
| 14. | Mesyuarat satu-dengan-satu dengan Pemimpin Industri bersama-sama dengan YB Menteri MITI sempena lawatan ke Republik Rakyat China | 30 Jun |
| 15. | Mesyuarat Meja Bulat dan Forum Pelaburan Global di London sempena lawatan YAB PM | 13 - 17 Julai |
| 16. | Lawatan Kerja oleh YB Menteri MITI ke Indonesia | 7 - 8 Ogos |
| 17. | Lawatan Kerja oleh YB Menteri MITI ke Singapura | 23 Ogos |
| 18. | Mesyuarat Meja Bulat dengan Pemimpin Industri Brunei sempena lawatan YB Timbalan Menteri MITI (Perdagangan) ke Brunei | 12 September |
| 19. | Lawatan Kerja YB Menteri MITI ke Perth, Australia sempena Forum Perniagaan Komanwel 2011 | 25 - 28 Oktober |
| 20. | Seminar Pelaburan di Gwangju City, Republik Korea diketuai oleh KPE MIDA | 6 - 9 November |
| 21. | Forum Perniagaan Malaysia-Singapura 2011 diketuai oleh YB Menteri MITI | 24 November |
| 22. | Lawatan Kerja oleh YB Timbalan Menteri MITI (Perdagangan) ke Osaka, Nagoya dan Tokyo, Jepun sempena *roadshow Bank of Tokyo Mitsubishi UFJ* | 12 – 14 Disember |

## Misi Projek Spesifik

Sejumlah 18 Misi Projek Spesifik telah dianjurkan untuk menarik syarikat yang disasarkan di negara terpilih pada tahun 2011. Misi ini bertujuan untuk berbincang dengan syarikat dalam industri berteknologi tinggi, berintensif modal dan bernilai ditambah tinggi.

**Jadual 5 - Misi Projek Spesifik, 2011**

| Bil. | Sektor Disasarkan | Negara Dilawati | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | Substrat Organik, Fabrikasi dan Peralatan LED | Jepun | 1 - 9 Mac |
| 2. | Solar, LED, RFID dan Elektrik | Republik Korea | 11 - 15 April |
| 3. | Kimia | Arab Saudi dan Turki | 30 April - 3 Mei |
| 4. | Minyak dan Gas, Jentera dan Automasi | Amerika Syarikat | 2 - 13 Mei |
| 5. | Aeroangkasa | United Kingdom dan Perancis | 16 - 23 Jun |
| 6. | Farmaseutikal, Peranti Perubatan dan Bioteknologi | Amerika Syarikat | 20 - 30 Jun |
| 7. | OHQ, IPC, RDC, RE dan RO | Jepun | 18 - 26 Julai |
| 8. | Kayu dan Kertas | Republik Rakyat China dan Republik Korea | 25 - 30 Julai |
| 9. | Semikonduktor, *Fabless*, Fabrikasi Wafer LED dan rekabentuk IC | Kanada dan Amerika Syarikat | 17 - 28 September |
| 10. | Makanan dan Ramuan Makanan Halal | Jepun dan Republik Korea | 2 - 8 Oktober |
| 11. | Solar dan ICT | Kanada dan Amerika Syarikat | 19 - 27 Oktober |
| 12. | Seramik Termaju, Tekstil Teknikal dan Produk Bangunan Hijau | Republik Rakyat China | 30 Oktober - 5 November |
| 13. | OHQ, IPC, RDC, RE dan RO | Australia | 12 - 19 November |
| 14. | Pengurusan Alam Sekitar, Tenaga Boleh Diperbaharui dan Pensterilan | United Kingdom, Perancis, Sweden, Jerman dan Belanda | 14 - 25 November |
| 15. | Besi dan Keluli | Republik Rakyat China dan Hong Kong | 20 - 30 November |
| 16. | Seramik Termaju, Tekstil Teknikal dan Produk Bangunan Hijau | India | 4 - 11 Disember |
| 17. | Makanan Halal | Emiriyah Arab Bersatu | 6 - 16 Disember |
| 18. | Jentera, Tempaan, Penuangan Beracuan, Acuan dan Faundri | Republik Korea dan Republik Rakyat China | 12 - 21 Disember |

## Seminar/Forum/Taklimat Antarabangsa

MIDA telah menganjur dan menyertai Seminar/Forum/Taklimat Antarabangsa sebagai sebahagian daripada strategi penggalakan pelaburan pada tahun 2011.

**Jadual 6 - Seminar/Forum/Taklimat Antarabangsa, 2011**

| Bil. | Program | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Persidangan *Invest Malaysia* 2011 | 12-13 April |
| 2. | Forum Kerjasama Perdagangan dan Pelaburan Malaysia-China | 28 April |
| 3. | Misi Penggalakan Pelaburan/Misi Projek Spesifik ke Houston, Amerika Syarikat Sempena Persidangan Teknologi Luar Pesisir (OTC) 2011 | 2 – 8 Mei |
| 4. | Seminar Dewan Perniagaan Korea di Malaysia | 28 Julai |
| 5. | Persidangan CEO FORBES Global | 12-14 September |
| 6. | CAEXPO dan CABIS (China-Asean 2011 Expo Perniagaan) | 21-22 Oktober |
| 7. | Seminar Mengenai Peluang Pelaburan di Malaysia | 23-26 Oktober |
| 8. | Maju ke Hadapan (Taklimat Perniagaan): Australia-Malaysia | 17 November |
| 9. | Seminar Peluang Perniagaan Kanagawa | 23 November |
| 10. | Mesyuarat Meja Bulat Kuasa Wanita, Emiriyah Arab Bersatu-Malaysia 2011 | 5-9 Disember |

## Lawatan oleh Pelabur/Delegasi Asing

Pada tahun 2011, MIDA telah menerima sejumlah 275 lawatan oleh delegasi/pelabur dari luar negara. Mereka telah diberi taklimat mengenai polisi, kemudahan, insentif dan peluang pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Di samping itu, MIDA juga telah bekerjasama dengan Kementerian, jabatan kerajaan, kerajaan negeri, agensi lain dan sektor swasta bagi membantu lawatan ini.

## Pertanyaan Diterima dan Taklimat Diberikan

Sepanjang tahun 2011, MIDA telah menerima lebih daripada 1,000 pertanyaan daripada syarikat asing dan tempatan mengenai penubuhan projek perkilangan dan perkhidmatan. MIDA juga telah mengadakan taklimat untuk delegasi asing, sektor swasta, persatuan industri, dewan perniagaan dan agensi-agensi Kerajaan bagi memaklumkan tentang polisi, insentif dan persekitaran perniagaan terkini di Malaysia.

## Program Wartawan dan Program Pemimpin Industri

**Program Wartawan (11-15 September 2011)**
Pada tahun 2011, MIDA telah menaja lawatan tiga wartawan terkenal ke Malaysia di bawah Program Lawatan Wartawan. Objektif lawatan ini adalah untuk membiasakan wartawan asing mengenai persekitaran pelaburan di Malaysia.

Para peserta adalah seperti berikut:

1. Encik Greg Earl
   Editor Asia Pasifik / Editor Hal Ehwal Kebangsaan
   *Australia Financial Review*

2. Encik David James
   Wartawan Kanan
   *Majalah BRW*

3. Cik Florence Chong
   Wartawan Kanan
   *The Australian/Asian Today Magazine*

**Program Pemimpin Industri (11-15 September 2011)**
MIDA juga telah menaja lawatan Encik Larry Gould, Presiden Nasional, Majlis Perniagaan Australia Malaysia (AMBC) ke Malaysia di bawah Program Pemimpin Industri. Objektif lawatan ini adalah untuk mengemaskini dan membiasakan pemimpin industri terhadap persekitaran dan peluang pelaburan di Malaysia. Sebaik sahaja kembali ke negaranya, beliau akan menyebarkan maklumat mengenai Malaysia kepada ahli-ahli AMBC dan menggalakkan mereka untuk melawat Malaysia.

## Aktiviti Perhubungan Awam

MIDA terus menjalankan aktiviti perhubungan awamnya termasuk mengambil bahagian dalam pengiklanan, penyertaan dalam pameran dan pesta perdagangan serta mengatur lawatan wartawan asing.

**Iklan dan *Advertorials***
Pada tahun 2011, MIDA telah menempatkan pengiklanan di dalam penerbitan domestik dan luar negara yang merangkumi *Forbes Asia, Site Selection* dan *Khaleej Times*.

**Pameran/Pesta Perdagangan Antarabangsa**
MIDA terus mengambil bahagian dalam pameran dan pesta perdagangan antarabangsa pada tahun 2011 bagi mewujudkan kesedaran mengenai peluang pelaburan di Malaysia. Pameran dan pesta perdagangan ini juga menyediakan peluang untuk mewujudkan jalinan kerjasama di antara peniaga Malaysia dan asing bagi meneroka kerjasama/usahasama dan rakan kongsi. Pada tahun 2011, MIDA telah mengambil bahagian dalam tujuh pameran di luar negara yang telah diadakan di Emiriyah Arab Bersatu, Singapura, Republik Rakyat China dan Republik Korea.

## *Invest Malaysia* 2011

Pada 30 Januari 2011, MIDA dengan kerjasama *Focus International* telah menganjurkan pelancaran *Invest Malaysia Report* di Abu Dhabi, Emiriyah Arab Bersatu. Acara ini telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dan diserikan dengan kehadiran Putera Mahkota Abu Dhabi. Acara tersebut telah menonjolkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang unggul kepada komuniti perniagaan Timur Tengah.

## Forum Pelaburan Global

Pada 15 Julai 2011, MIDA dengan kerjasama *London Speaker Bureau*, biro penceramah terbesar di Eropah, Timur Tengah dan Afrika Selatan telah menganjurkan MIDA - Forum Pelaburan Global. Acara tersebut telah diadakan di Hotel Claridge, London, United Kingdom. YAB Perdana Menteri telah merasmikan dan menyampaikan ucaptama pada majlis ini. Acara tersebut menonjolkan peluang pelaburan di Malaysia kepada masyarakat perniagaan dari Eropah.

## Persidangan CEO Forbes Global 2011

Persidangan CEO Forbes Global 2011 telah diadakan untuk kali keduanya di Kuala Lumpur, Malaysia. Acara berprestij tahunan ini telah dihadiri oleh lebih daripada 400 CEO global, hartawan, usahawan, kapitalis dan pemimpin. Di bawah tema "*At the Crossroads*", persidangan ini memberi tumpuan kepada bagaimana pembuat dasar dan CEO menghadapi pilihan kritikal terhadap pertumbuhan ekonomi, pembaharuan dan strategi. YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri juga telah terlibat dalam dialog satu-dengan-satu atau "*A Meeting of Minds*" dengan Steve Forbes, Ketua Editor Forbes Media di persidangan ini.




WELCOME TO MIDA

Bab 5

# PENGGALAKAN PELABURAN DOMESTIK

46 **PENGGALAKAN PELABURAN DOMESTIK**

47 Seminar Pelaburan Domestik

47 Seminar Industri Spesifik

48 Mesyuarat Meja Bulat

49 Program Lawatan/Turun Padang

50 Pameran Tempatan

# 5 PENGGALAKAN PELABURAN DOMESTIK







Sebagaimana pentingnya usaha menarik FDI, Kerajaan berterusan dalam menggalakkan pelaburan domestik seperti yang telah digariskan di dalam Model Baru Ekonomi (MBE), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 2011-2015.

Kerajaaan akan terus menggalakkan pelaburan domestik dan akan memupuk syarikat-syarikat Malaysia untuk menjadi pemain industri global. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh MIDA untuk terus memacu pelaburan domestik:

- Menyediakan insentif fiskal dan bukan fiskal yang menarik bagi meningkatkan pelaburan berkualiti ke dalam industri berteknologi tinggi, berintensif modal, pengetahuan dan industri kreatif serta aktiviti berasaskan R&D;
- Mengenalpasti sektor/industri yang mempunyai potensi perniagaan yang meluas di mana syarikat-syarikat Malaysia boleh mengambil bahagian;
- Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam sistem penyampaian dengan mempermudahkan peraturan dan prosedur serta membuat keputusan secara *real time*;
- Mengumpul pelan pelaburan yang berpotensi oleh syarikat-syarikat Malaysia untuk diberi sokongan dan bantuan untuk pelan pelaburan yang dicadangkan;
- Menyediakan pelbagai cara untuk mempromosi penyumberan luar dan rantaian industri bernilai tinggi di antara syarikat-syarikat Malaysia dan rakan-rakan Malaysia/asing;
- Bertemu dengan syarikat-syarikat Malaysia sedia ada yang berpotensi untuk menggalakkan pembesaran dan pelbagaian pengeluaran;
- Mesyuarat dengan pelabur domestik secara berterusan bagi mendapatkan pandangan mengenai cara-cara untuk menarik dan menggalakkan pelaburan semula oleh syarikat Malaysia; dan
- Turun padang/lawatan ke syarikat-syarikat Malaysia untuk tujuan *handhold* dan memastikan projek-projek yang diluluskan dilaksana dengan segera. Perkhidmatan ini diberikan oleh Pegawai Projek Khas MIDA di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Penyebaran maklumat yang berterusan mengenai dasar pelaburan, insentif, peluang-peluang perniagaan dan perkhidmatan sokongan telah dijalankan melalui pelbagai program *outreach* yang dianjurkan pada tahun 2011.

## Seminar Pelaburan Domestik

MIDA dengan kerjasama SME Corporation Berhad (SME Corp) telah menganjurkan tiga seminar domestik pada tahun 2011, masing-masing satu di Kuala Lumpur, Sarawak dan Sabah. Sejumlah 1,350 peserta telah menghadiri seminar ini.

**Jadual 7 - Seminar Pelaburan Domestik, 2011**

| Bil | Tarikh | Tempat | Program |
|---|---|---|---|
| 1. | 8 Mac | Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur | Dialog dan Seminar Pelaburan Domestik Kebangsaan |
| 2. | 28 Julai | Hotel Pullman, Kuching, Sarawak | Dialog dan Seminar Pelaburan Domestik Sarawak |
| 3. | 13 Oktober | Magellan Sutera, Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu, Sabah | Dialog dan Seminar Pelaburan Domestik Sabah |

## Seminar Industri Spesifik

MIDA telah menganjurkan satu seminar industri spesifik sempena Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi di Pulau Langkawi. Sasaran seminar adalah bagi menekankan:

- Keupayaan dan potensi pemain aeroangkasa Malaysia;
- Pembangunan industri aeroangkasa di Malaysia dan peluang-peluang pelaburan; dan
- Inisiatif Kerajaan dalam menggalakkan industri aeroangkasa dan pakej insentif yang ditawarkan kepada pelabur.

**Jadual 8 - Seminar Industri Spesifik, 2011**

| Bil | Tarikh | Tempat | Program |
|---|---|---|---|
| 1. | 7 – 8 Disember | Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), Pulau Langkawi, Kedah | Forum Mengenai Peluang Kerjasama Dalam Industri Aeroangkasa dan Mesyuarat B2B |

## Mesyuarat Meja Bulat

MIDA telah menganjurkan sebanyak lapan Mesyuarat Meja Bulat yang telah dipengerusikan oleh YB Menteri MITI dengan syarikat-syarikat Malaysia dan asing terpilih di seluruh Malaysia. Objektif Mesyuarat Meja Bulat ini adalah untuk:

- Mencari dan mendapatkan maklum balas daripada syarikat-syarikat mengenai cadangan pelaburan semula;
- Menyebarkan garis panduan/langkah-langkah dasar terkini yang telah disediakan oleh Kerajaan bagi merangsang pelaburan langsung domestik; dan
- Mendapatkan maklum balas daripada syarikat-syarikat mengenai isu-isu berkaitan dengan operasi mereka.

**Jadual 9 - Mesyuarat Meja Bulat, 2011**

| Bil | Tarikh | Tempat | Program |
|---|---|---|---|
| 1. | 8 Mac | Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur | Mesyuarat Meja Bulat Dengan Syarikat Multinasional Malaysia |
| 2. | 21 April | Hotel Equatorial, Pulau Pinang | Mesyuarat Meja Bulat Dengan Syarikat-Syarikat Di Pulau Pinang |
| 3. | 23 April | Hotel Zenith, Kuantan, Pahang | Mesyuarat Meja Bulat Dengan Syarikat-Syarikat Di Gebeng |
| 4. | 24 Mei | Hotel The Pacific Sutera, Kota Kinabalu, Sabah | Mesyuarat Meja Bulat Dengan Syarikat-Syarikat Di Sabah |
| 5. | 31 Mei | MITI, Kuala Lumpur | Mesyuarat Meja Bulat Dengan Syarikat-Syarikat Di Selangor |
| 6. | 16 Jun | Hotel Hilton, Kuching, Sarawak | Mesyuarat Meja Bulat Dengan Syarikat-Syarikat Di Sarawak |
| 7. | 18 Julai | Hotel Impiana, Ipoh, Perak | Mesyuarat Meja Bulat Dengan Syarikat-Syarikat Di Perak |
| 8. | 29 Julai | The Royal Bintang Resort, Seremban, Negeri Sembilan | Mesyuarat Meja Bulat Dengan Syarikat-Syarikat Di Negeri Sembilan |

## Program  Lawatan/Turun Padang

MIDA juga menyelaraskan program Turun Padang bagi YB Menteri MITI dan Pengurusan MIDA untuk melawat syarikat-syarikat terpilih bagi tujuan *handhold* dan memudahkan penyampaian perkhidmatan kepada syarikat serta memastikan pelaburan yang dicadangkan direalisasikan.

**Jadual 10 - Lawatan Kilang/Turun Padang**

| Bil | Tarikh | Tempat | Program |
|---|---|---|---|
| 1. | 19 Januari | Lumut, Perak | Lawatan Pengerusi MIDA ke Syarikat Pembinaan Kapal di Lumut: Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. dan Grade One Marine Shipyard Sdn. Bhd. |
| 2. | 4 Mac | Selangor | Lawatan/Turun Padang YB Menteri MITI ke JF Microtechnology Sdn. Bhd. |
| 3. | 21 April | Pulau Pinang | Lawatan/Turun Padang YB Menteri MITI ke Agilent Technologies dan Majlis Pecah Tanah Aviatron |
| 4. | 9 – 10 Mei | Labuan | Lawatan TKP I MIDA ke Hab Minyak dan Gas, Labuan:<br>• Labuan Corporation<br>• Petronas Oil and Gas Terminal<br>• Petronas Methanol (Labuan) Sdn. Bhd.<br>• Labuan Shipyard and Engineering Sdn. Bhd.<br>• Asian Supply Base Sdn. Bhd. |
| 5. | 27 Jun | Sijangkang, Selangor | Lawatan Pengerusi MIDA ke NGV Tech Sdn. Bhd. |
| 6. | 22 Disember | Nilai, Negeri Sembilan dan Bandar Enstek, Selangor | Lawatan/Turun Padang YB Menteri MITI ke:<br>• Recron (Malaysia) Sdn. Bhd.<br>• Pure Circle Sdn. Bhd.<br>• Coca-Cola Bottlers Sdn. Bhd.<br>• NAZ Medical Supplies Sdn. Bhd. |

## Pameran Tempatan

MIDA juga melibatkan diri secara aktif dalam pameran bagi memaklum dan mewujudkan kesedaran mengenai peluang pelaburan kepada komuniti perniagaan tempatan.

**Jadual 11 - Pameran Tempatan, 2011**

| Bil | Nama Pameran | Penganjur | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Klinik Dagang Sempena Taklimat dan Perundingan MATRADE, 2011 | Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) | 26 Januari | Menara MATRADE, Kuala Lumpur |
| 2. | Simposium EABC-MITI Mengenai Perluasan Perdagangan dan Hubungan Pelaburan di Asia Timur | Majlis Perdagangan Asia Timur dan MITI | 22 Februari | Pusat Konvensyen dan Pameran MATRADE (MECC) |
| 3. | Pameran dan Klinik Produktiviti dan Inovasi: Program *Enterprise Creanova Integrated Solution* | Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) | 25 Februari | Pusat Konvensyen Sunway Pyramid |
| 4. | Persidangan dan Ekspo Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC) 2011 | PIHH Development Sdn. Bhd. | 25 – 27 Februari | Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang |
| 5. | Pameran Eksport Perabot (EFE) 2011 | Persatuan Usahawan Perabot Malaysia (MFEA) | 3 – 7 Mac | Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) |
| 6. | Seminar Pelaburan Domestik Kebangsaan | MIDA | 8 Mac | Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur |
| 7. | Siri Seminar NCCIM Mengenai Bantuan Kewangan Kerajaan Untuk Syarikat Malaysia dan Prosedur Permohonannya | Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia (NCCIM) | 29 Mac | MECC |

**Jadual 11 - Pameran Tempatan, 2011 (sambungan)**

| Bil | Nama Pameran | Penganjur | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|---|
| 8. | Seminar Menjalankan Perniagaan dan Peluang Pelaburan di Pakistan | MIDA | 31 Mac | Hotel JW Marriott, Kuala Lumpur |
| 9. | Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS 2011) | MATRADE | 6 – 9 April | Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) |
| 10. | MTA Malaysia 2011 | Malaysian Exhibition Services Sdn. Bhd. | 4– 8 Mei | Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur |
| 11. | Mesyuarat Aeroangkasa Kuala Lumpur | BCI Aerospace, Perancis | 24 Mei | MECC |
| 12. | Pameran di Mesyuarat Pemuda UMNO Bahagian Segambut | Pemuda UMNO Bahagian Segambut | 28 Mei | Memorial Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur |
| 13. | Pameran Sempena Seminar Mengenai Industri yang Dipacu Pasaran dalam Sektor Agro Makanan | Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia | 31 Mei | Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) |
| 14. | SMIDEX 2011 – Pameran Inovasi SME | SME Corporation Malaysia | 7 - 9 Jun | KLCC |
| 15. | Pameran Sempena Pelancaran Laporan MITI | MITI | 14 Jun | MECC |
| 16. | Pameran Pelaburan Produk dan Pameran Pelancongan, Sabah | Jabatan Penyelidikan Pembangunan Perindustrian, Sabah | 16-19 Jun | Pusat Pameran Mid Valley, Kuala Lumpur |
| 17. | Pameran Sempena Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2011 | Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) | 19-21 Jun | PICC |
| 18. | Simposium Rekabentuk Elektronik Kualiti Asia (ASQED) 2011 | Simposium Rekabentuk Kualiti Elektronik Antarabangsa (ISQED), Pusat Pembangunan Sumber Manusia Selangor (SHRDC) dan MIM Malaysia | 19-20 Julai | Crown Plaza Mutiara, Kuala Lumpur |

**Jadual 11 - Pameran Tempatan, 2011 (sambungan)**

| Bil | Nama Pameran | Penganjur | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|---|
| 19. | Automasi Perindustrian 2011 | Malaysian Exhibition Services Sdn. Bhd. | 20–23 Julai | KLCC |
| 20. | Seminar Pelaburan Domestik Sarawak | MIDA | 28 Julai | Kuching, Sarawak |
| 21. | Pameran dan Persidangan Antarabangsa Teknologi Hijau & Produk Eko (IGEM 2011) | Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) | 7-10 September | KLCC |
| 22. | Persidangan CEO Forbes Global | Forbes Singapura dan MIDA | 12-14 September | Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur |
| 23. | Perubatan Asia 2011 | Malaysian Exhibition Services Sdn. Bhd. | 5-7 Oktober | PWTC |
| 24. | Seminar Pelaburan Domestik Sabah | MIDA | 25 Oktober | Kota Kinabalu, Sabah |
| 25. | Pameran dan Persidangan Komoditi Antarabangsa Malaysia (MICCOS) 2011 | Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) | 28-30 Oktober | MAEPS |
| 26. | Forum Ekonomi China Dunia Ke-3 | Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) | 3-4 November | Hotel Palace of the Golden Horses, Kuala Lumpur |
| 27. | Forum ETP Ernst and Young | Ernst and Young Advisory Services Sdn. Bhd. | 10 November | Hotel Doubletree by Hilton, Kuala Lumpur |
| 28. | Pameran Perdagangan Antarabangsa Borneo (BITF) 2011 | Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kadazandusun | 10-13 November | Kompleks Sukan Kota Kinabalu |
| 29. | Perdagangan Antarabangsa Malaysia (INTRADE 2011) | MATRADE dengan kerjasama MITI | 22-24 November | MECC |

**Jadual 11 - Pameran Tempatan, 2011 (sambungan)**

| Bil | Nama Pameran | Penganjur | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|---|
| 30. | Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA 2011) | Kerajaan Malaysia | 6-10 Disember | Langkawi, Malaysia |
| 31. | Seminar Kecekapan Tenaga (EE) | Suruhanjaya Tenaga (EC) | 20 Disember | Hotel Armada, Petaling Jaya |





Bab 6

# PENGGALAKAN PELABURAN SEBERANG SEMPADAN


56 Trend Pelaburan Malaysia di Luar Negara

56 Penggalakan Pelaburan Seberang Sempadan

56 Seminar Mengenai Peluang Perniagaan dan Pelaburan di Negara Yang Disasarkan

57 Lawatan dan Dialog

57 Program Familiarisasi

# 6 PENGGALAKAN PELABURAN SEBERANG SEMPADAN







Malaysia terus mencatatkan trend mampan dalam Pelaburan Seberang Sempadan (CBI) melalui syarikat-syarikat tempatan yang berjaya meneroka ke luar negara. CBI akan membolehkan syarikat Malaysia menjadi sebahagian daripada rangkaian pengeluaran global melalui pembesaran saluran pemasaran baru, pemerolehan teknologi baru dan penyumberan sumber kos yang lebih rendah di luar negara. Daya saing Malaysia akan menjadi lebih kukuh apabila lebih banyak syarikat Malaysia yang berjaya menempatkan diri di pasaran global walaupun menghadapi cabaran persekitaran ekonomi dan global.

## Trend Pelaburan Malaysia di Luar Negara

Malaysia mencatatkan RM45.3 bilion Pelaburan Langsung ke Luar Negeri (DIA) pada tahun 2011 yang meningkat sebanyak 5.6 peratus daripada RM42.9 bilion pada tahun 2010. Prestasi DIA yang kukuh ini berjaya dicapai meskipun pemulihan ekonomi global yang perlahan; ketidaktentuan yang timbul daripada krisis hutang di Eropah; keadaan tidak menentu di Asia Barat yang disusuli *Arab Spring;* gangguan rantaian bekalan yang disebabkan oleh tsunami dan gempa bumi di Jepun serta banjir di Thailand.

Sebahagian pelaburan Malaysia telah disalurkan melalui pusat kewangan luar pesisir antarabangsa sebelum dihalakan semula ke destinasi akhir. Sektor utama meliputi pengantaraan kewangan, perlombongan dan kuari, perkhidmatan, pertanian dan pembinaan.

## Penggalakan Pelaburan Seberang Sempadan

MIDA telah menjalankan program-program berikut pada tahun 2011 untuk menggalakkan CBI:

- Menganjurkan seminar mengenai peluang perniagaan dan pelaburan bagi negara yang disasarkan;
- Menjalinkan hubungan dengan Agensi Penggalakan Pelaburan/Lembaga Pelaburan di negara yang disasarkan; dan
- Penggalakan dan penilaian permohonan Dana Pembangunan Perniagaan Negara Ketiga Malaysia-Singapura yang diwujudkan bagi membantu syarikat Malaysia yang bergandingan dengan syarikat seangkatan dari Singapura untuk meneroka ke luar negara.

## Seminar Mengenai Peluang Perniagaan dan Pelaburan di Negara Yang Disasarkan

Pada tahun 2011, MIDA telah bekerjasama dengan pelbagai Kedutaan Asing di Kuala Lumpur dan Agensi Penggalakan Pelaburan (IPA) negara berkenaan bagi menganjurkan tiga seminar mengenai peluang perniagaan dan pelaburan di Malaysia.

**Jadual 12 - Seminar Mengenai Peluang Perniagaan dan Pelaburan, 2011**

| Bil | Seminar | Tarikh | Bilangan Peserta |
|---|---|---|---|
| 1. | Seminar Menjalankan Perniagaan dan Pelaburan di Osaka | 22 Februari | 14 |
| 2. | Seminar Antarabangsa dan Peluang Perniagaan di Pakistan | 31 Mac | 72 |
| 3. | Seminar Menjalankan Perniagaan dan Peluang Pelaburan di Thailand | 16 Jun | 21 |

Objektif seminar ini adalah:

- Untuk memaklumkan peserta mengenai dasar dan prosedur serta peluang perniagaan dan pelaburan yang terdapat di negara tuan rumah; dan

- Untuk menyediakan platform bagi menjalinkan kerjasama dan meningkatkan kerjasama perniagaan.

## Lawatan dan Dialog

MIDA telah menerima lawatan daripada 65 buah delegasi pada tahun 2011, dari negara-negara seperti Vietnam, Kazakhstan, Tanzania, Sudan, Bosnia, Lubnan, Nigeria, Palestin, Syria, Turki, Uganda, Indonesia dan Uzbekistan. Objektif lawatan ini adalah untuk mengukuhkan hubungan dua hala dan menggalakkan minat perniagaan/pelaburan syarikat Malaysia di negara-negara ini.

## Program Familiarisasi

Pada tahun 2011, satu program Familiarisasi telah dianjurkan oleh MIDA dengan kerjasama Bank Pembangunan Islam (IDB). Program Familiarisasi bagi pegawai Agensi Penggalakan Pelaburan dari kalangan negara anggota IDB telah berjaya dijalankan dengan penglibatan 31 orang peserta dari 26 buah negara ahli IDB. Tema program ini adalah Strategi Penggalakan FDI dan Pembangunan Ekonomi.

Objektif program ini meliputi:

- Bagi menyediakan platform kepada para peserta bagi mendapatkan pemahaman komprehensif mengenai strategi dan polisi untuk menarik FDI dan peranan Kerajaan tuan rumah dalam menggubal dasar dan langkah-langkah menarik FDI; dan

- Untuk mengetengahkan kejayaan negara anggota IDB dalam menggalakkan FDI dan berkongsi dengan negara anggota yang lain mengenai kejayaan mereka.





Bab 7

# HUBUNGAN ANTARABANGSA


60 Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN)

61 Kerjasama Pelaburan

62 Kerjasama Perdagangan

63 Perhubungan Luar ASEAN

63 Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC)

64 Kerjasama Dua Hala Ekonomi

65 Perhubungan Dagang Pelbagai Hala

# 7 HUBUNGAN ANTARABANGSA







## Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN)

Sepuluh Negara Anggota ASEAN (AMS) terus berusaha ke arah mewujudkan satu komuniti bersepadu menjelang tahun 2015 seperti yang dibayangkan di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang bercirikan sebuah pasaran dan pangkalan pengeluaran tunggal; rantau ekonomi kompetitif dengan pembangunan saksama dan rantau yang terlibat dengan ekonomi global. ASEAN yang lebih bersepadu akan membantu negara-negara ASEAN bagi mengukuhkan daya saing ekonomi mereka dan membolehkan ASEAN untuk menjadi rantau yang lebih dinamik untuk bersaing di dalam rantaian bekalan global dan kekal sebagai asas tarikan bagi pelaburan langsung asing.

Selaras dengan tema "Komuniti ASEAN dalam Negara Komuniti Global" yang dipengerusikan oleh Indonesia, ASEAN telah menggariskan tiga keutamaan bagi tahun 2011, iaitu untuk memastikan kemajuan yang ketara dalam mencapai Komuniti ASEAN; untuk memastikan bahawa seni bina serantau dan persekitaran serantau kekal berpusat di ASEAN dan kondusif untuk pembangunan serta memulakan perbincangan mengenai visi ASEAN melepasi tahun 2015.

ASEAN telah berjaya melaksanakan inisiatif utama ke arah mencapai matlamat AEC iaitu pasaran dan pangkalan pengeluaran tunggal. Tarif di rantau ini telah dikurangkan kepada sifar bagi 6 Negara Anggota ASEAN manakala negara Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam (CLMV) juga telah mengesahkan jadual pengurangan tarif yang akan melaksanakan sepenuhnya dalam Perjanjian Perdagangan ASEAN Bagi Barangan (ATIGA). Usaha-usaha bagi menangani halangan bukan tarif, fasilitasi perdagangan dan standard telah diperkukuh dengan penubuhan kumpulan fokus untuk terus mengkaji semula dasar dan strategi semasa untuk standard serta pematuhan di rantau ini. ASEAN telah mencapai kemajuan yang besar dalam mengurangkan halangan tarif dan mengkaji semula Peraturan Tempasal (ROO) bagi barang-barang yang berasal dari ASEAN. Pada masa ini, AMS secara beransur-ansur mengenal pasti halangan bukan tarif terhadap perdagangan dan cara-cara untuk menghapuskannya serta menjalankan kajian mengenai kesesuaian dan kos efektif ROO yang akan dilaksanakan di ASEAN.

Tahun 2011 menandakan satu lagi pencapaian integrasi kastam di ASEAN. Thailand mengesahkan penyertaannya dalam Projek Perintis Pengesahan-Sendiri dengan menyertai tiga negara sedia ada yang menyertai AMS iaitu, negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura. Dengan pelaksanaan yang meluas Pengesahan-Sendiri ASEAN yang berada dalam lingkupannya, ia dijangka akan menawarkan pelbagai faedah termasuk mengurangkan kos perniagaan dan akhirnya membuka jalan untuk melancarkan kaedah perdagangan di kalangan AMS.

Dalam bidang perkhidmatan dan liberalisasi pelaburan, negara-negara anggota telah menandatangani lapan pakej komitmen di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan (AFAS) dan menerima pakai modaliti bagi penghapusan sekatan pelaburan dan halangan di bawah Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA) pada tahun 2011.

ASEAN terus berusaha untuk mencapai integrasi ke dalam ekonomi global melalui pelbagai perjanjian perdagangan bebas (FTA) dan perjanjian perkongsian ekonomi yang komprehensif (CEP) dengan beberapa rakan dialog dan rakan dagangan utama. ASEAN kini mempunyai FTA dengan Republik Rakyat China, India, Jepun, Republik Korea, Australia dan New Zealand. Sehingga kini, Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand (AANZFTA) adalah perjanjian yang paling komprehensif yang telah dimuktamadkan oleh ASEAN dengan Rakan Dialognya.

ASEAN komited untuk memastikan bahawa integrasi pasaran dan perdagangan berkesan di rantau ini dari segi kualiti, impak dan kecekapan pembahagian sumber. Pejabat Pemantauan Integrasi ASEAN (AIMO) telah ditubuhkan sebagai sebuah badan pemantauan yang kukuh dan berdedikasi, bagi memantau kemajuan integrasi serantau dan mempersiapkan rantau ini bagi menghadapi cabaran globalisasi perdagangan dan kewangan.

Peranan MIDA dalam proses kerjasama ekonomi ASEAN meliputi kerjasama dalam akses pasaran dan memudahkan perdagangan barangan, dan kerjasama dalam promosi, fasilitasi dan liberalisasi pelaburan.

## Kerjasama Pelaburan

Aliran masuk FDI ke ASEAN telah berkurang sebanyak 4.1 peratus kepada US$89.2 bilion pada tahun 2011 daripada US$92.9 bilion pada tahun 2010. Sementara itu, pelaburan antara negara ASEAN meningkat dengan ketara sebanyak 23.1 peratus kepada US$17.6 bilion pada tahun 2011 daripada US$14.3 bilion pada tahun 2010. Ini telah mencerminkan bahawa ASEAN terus meraih manfaat daripada pelaburan dari kalangan anggotanya.

Komitmen ASEAN untuk mengukuhkan rejim pelaburan terus diperkuatkan dengan menandatangani Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA) pada tahun 2009. ACIA akan berkuatkuasa sebaik sahaja ratifikasi perjanjian dan pengesahan Senarai Pengecualian disiapkan oleh semua anggota AMS. ACIA telah disahkan oleh kesemua negara-negara anggota dengan Thailand menjadi negara terakhir yang mengesahkan perjanjian ini pada Disember 2011. ACIA dijangka mula berkuatkuasa pada suku pertama 2012 apabila kesemua AMS mengesahkan Senarai Pengecualian.

ACIA yang mengandungi liberalisasi komprehensif dan peruntukan perlindungan dijangka akan memberi ketelusan yang lebih luas ke atas rejim pelaburan di ASEAN yang mana akan memberi manfaat kepada kedua-dua pelabur ASEAN dan pelabur asing ASEAN. Bagi menyokong pelaksanaan ACIA dan meliberalisasikan rejim pelaburan ASEAN, modaliti bagi penghapusan dan penambahbaikan sekatan dan halangan pelaburan di ASEAN telah diterima pakai pada tahun 2011. Ia menyediakan satu pendekatan yang berstruktur bagi mengurang atau menghapus sekatan dan halangan pelaburan yang diambil oleh AMS.

Jawatankuasa Penyelarasan ASEAN Mengenai Pelaburan (CCI) meneruskan tugasnya melaksanakan Program Kerja CCI 2010-2011 selaras dengan usaha meningkatkan rejim pelaburan ASEAN. MIDA sebagai agensi peneraju Malaysia bagi Mesyuarat ASEAN CCI telah mengambil bahagian yang aktif dalam program berkaitan pelaburan ASEAN. MIDA menyertai Forum Pelaburan ASEAN (AIF) yang pertama sebagai penceramah, di mana ianya merupakan platform dialog strategik dan perkongsian pengalaman di kalangan ketua-ketua Agensi Penggalakan Pelaburan ASEAN, yang telah diadakan pada 16 November 2011 di Bali, Indonesia. MIDA juga telah dijemput untuk berucap di Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN 2011 yang dianjurkan oleh Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN, yang dianjurkan selepas AIF di Bali. Pencapaian utama CCI pada tahun 2011 termasuk:

- Kajian berterusan yang dibiayai oleh Program Kerjasama Pembangunan ASEAN-Australia Fasa II (AADCP II):
  - Menambahbaik Pelaksanaan Perjanjian ASEAN;
  - Kajian *Economic Research Institute for ASEAN and East Asia* (ERIA) untuk terus menambahbaik Fasa II *Scorecard* Ekonomi ASEAN; dan
  - Kajian Secara Separuh Penggal Rangka Tindakan AEC;

- Program Kerja Pelbagai Tahun CCI 2011-2015;

- Laporan Pelaburan ASEAN 2011; dan

- Statistik FDI di ASEAN 2010.

## Kerjasama Perdagangan

Jumlah perdagangan ASEAN terbukti kukuh dengan peningkatan sebanyak 20 peratus kepada US$2.4 trilion pada tahun 2011 daripada US$2.0 trilion pada tahun 2010 berbanding 19.2 peratus peningkatan dalam perdagangan global pada tahun 2011. Perdagangan intra-ASEAN meningkat sebanyak 15.1 peratus kepada US$598.2 bilion pada tahun 2011 daripada US$519.8 bilion pada tahun 2010.

ASEAN terus mengambil langkah untuk memudahkan perdagangan intra-ASEAN dan meningkatkan lagi akses kepada pasaran. Pada tahun 2011, MIDA terus mengambil bahagian dalam mesyuarat Jawatankuasa Kecil Peraturan Tempasal ATIGA (SC-AROO) dan Jawatankuasa Penyelaras Pelaksanaan ATIGA (CCA).

Program kerja jawatankuasa ini pada tahun 2011 termasuk:

- Pelaksanaan Projek Perintis mengenai Pensijilan-Sendiri;
- Penghapusan Halangan Bukan Tarif;
- Menyelesaikan isu-isu pelaksanaan; dan
- Menyemak Senarai Pengecualian Am (GEL).

## Perhubungan Luar ASEAN

Pada tahun 2011, ASEAN terus berusaha dengan lebih mendalam bagi inisiatif integrasi ekonomi serantau dengan Rakan Dialognya. MIDA telah mengambil bahagian dalam rundingan FTA ASEAN dengan memberi sokongan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam menyediakan input dan cadangan dalam bidang perdagangan barangan (termasuk peraturan tempasal) dan pelaburan. Rundingan FTA adalah seperti berikut:

- Perkongsian Ekonomi Komprehensif ASEAN-Jepun (AJCEP) mengenai Bab Pelaburan;
- Perjanjian Pelaburan ASEAN-India; dan
- FTA ASEAN-Australia-New Zealand - Program Kerja Bab Pelaburan.

## Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC)

MIDA terus menjadi agensi peneraju Malaysia bagi mesyuarat Kumpulan Pakar Pelaburan (IEG). Pada tahun 2011, tiga mesyuarat IEG telah diadakan di Amerika Syarikat yang memberi tumpuan kepada perkara utama berikut:

- Memperkukuhkan integrasi ekonomi serantau dan memperluaskan perdagangan;
- Menggalakkan pertumbuhan hijau; dan
- Memperluaskan kerjasama pengawalseliaan dan memajukan penumpuan peraturan.

Sumbangan MIDA ke arah pencapaian IEG bagi tahun 2011 termasuk:

- Penyertaan dalam Seminar *Peer Review* APEC-UNCTAD bagi Perundingan Perjanjian Pelaburan Antarabangsa – Buku panduan untuk Perundingan pada 11-13 April 2011 di Santiago, Chile;

- Menyertai Bengkel APEC-UNCTAD sebagai Penceramah mengenai Amalan Terbaik dalam Penggubalan Dasar Pelaburan di Rantau APEC yang diadakan di Moscow, Rusia pada 29-30 November 2011; dan

- Berterusan mengambil bahagian dalam program Pelan Tindakan Pemudahan Pelaburan (IFAP) yang dicadangkan oleh ahli ekonomi untuk mempercepatkan integrasi ekonomi serantau.

## Kerjasama Dua Hala Ekonomi

Pada tahun 2011, MIDA terus mengambil bahagian dalam Rundingan FTA Dua Hala Malaysia dengan rakan dagang. Peranan MIDA meliputi rundingan untuk akses pasaran perdagangan dalam barangan, peraturan tempasal dan pelaburan. Fokus kerja termasuk:

- Dalam Proses Rundingan:
  - FTA Malaysia – Turki;
  - FTA Malaysia - Australia;
  - FTA Malaysia - Kesatuan Eropah; dan
  - Perkongsian Trans Pacific - Malaysia (TPP).

- Rundingan yang telah dimuktamadkan:
  - Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia-India (MICECA) telah ditandatangani pada 18 Februari 2011 dan mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2011.

MIDA juga telah mengambil bahagian dalam rundingan dan semakan Perjanjian Jaminan Pelaburan (IGA) pada tahun 2011, antaranya dengan Kesultanan Oman, Rusia dan Croatia. IGA adalah untuk memastikan perlindungan terhadap pelaburan asing termasuk pelaburan yang dibuat oleh pelabur Malaysia di negara tuan rumah.

## Perhubungan Dagang Pelbagai Hala

Pada tahun 2011, MIDA meneruskan peranannya dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) bagi modaliti akses pasaran produk bukan pertanian dan penghapusan tarif bagi barangan alam sekitar.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menjadi titik fokus dalam menyatu dan memperkemaskan kedudukan Malaysia di dalam perdagangan antarabangsa dan pelaburan yang mana secara berterusan mendapat pandangan MIDA mengenai perdagangan dan isu-isu berkaitan pelaburan.




MIDA
MIDA

Bab 8

# LEMBAGA


68 **LEMBAGA**

68 Fungsi-Fungsi Lembaga

71 Mesyuarat Lembaga Pengarah

71 Sidang Media Tahunan Mengenai Prestasi Pelaburan Malaysia 2011

71 Pembangunan Sumber Manusia

# 8 LEMBAGA

## LEMBAGA

MIDA adalah agensi utama kerajaan bagi penggalakan dan penyelarasan pembangunan sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti).

MIDA telah ditubuhkan pada tahun 1967 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Persekutuan, 1965 sebagai sebuah badan berkanun di bawah penyeliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

### Fungsi-Fungsi Lembaga

- Mengetuai, menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan dasar, strategi, aktiviti dan pembangunan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);

- Menjalankan aktiviti berkaitan penggalakan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di dalam atau di luar Malaysia;

- Menjalankan atau menyebabkan perancangan dan penyelidikan yang dijalankan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);

- Memberi nasihat kepada Kerajaan berhubung dasar-dasar berkaitan penggalakan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) termasuk dasar-dasar mengenai:
    - pemberian lesen pengilang;
    - insentif yang layak kepada pelabur di Malaysia;
    - jawatan pegawai dagang;
    - mengena atau memotong dan mengecuali daripada duti kastam; dan
    - kemudahan fiskal dan bukan fiskal yang lain;

- Menggubal langkah-langkah bagi menggalakkan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);

- Mengkoordinasi dan memudahkan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan penggalakan dan pelaksanaan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di peringkat Persekutuan dan Negeri;

- Menyediakan perkhidmatan jururunding termasuk latihan dan bantuan teknikal;

- Menjalankan apa-apa aktiviti yang menggalakkan kerjasama dengan negara-negara lain selaras dengan objektif Kerajaan berhubung dengan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);

- Membantu syarikat-syarikat Malaysia dalam meneroka peluang pelaburan dan teknologi di luar negara;

- Bertindak sebagai pusat pengumpulan, rujukan dan penyebaran maklumat berhubung dengan pelaburan dalam semua sektor ekonomi;

- Melaporkan kepada Menteri berhubung dengan perkembangan dan masalah pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitannya (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di Malaysia dan membuat pengesyoran bagaimana masalah tersebut boleh dihadapi;

- Menjalankan fungsi-fungsi lain yang selaras dengan Akta MIDA dan bidang kuasa Menteri secara bertulis; dan

- Secara umumnya menjalankan semua kerja-kerja yang berkaitan dengan bidang kuasa dan fungsi-fungsi di bawah Akta MIDA.

*Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 2011*

### Carta 7 - Carta Organisasi MIDA



## Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah MIDA terdiri daripada 14 ahli, diketuai oleh Pengerusi yang dilantik oleh Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Ahli-ahli lain terdiri daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan atau wakilnya, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Industri masing-masing bagi Sabah dan Sarawak dan lapan ahli lain yang mewakili sektor komersial, perkilangan, kewangan, persatuan industri dan perkhidmatan. Tujuh mesyuarat telah diadakan pada tahun 2011 termasuk satu Mesyuarat Lembaga Pengarah Khas.

## Sidang Media Tahunan Mengenai Prestasi Pelaburan Malaysia 2011

Sidang Media Tahunan telah diadakan pada 21 Februari 2012. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), YB Dato' Sri Mustapha Mohamed telah merasmikan Sidang Media dan mengumumkan prestasi pelaburan keseluruhan bagi tahun 2011 dan prospek bagi tahun 2012. Sebuah galeri telah diadakan bagi mempamerkan beberapa projek berkualiti yang diluluskan pada tahun 2011. Syarikat-syarikat yang terlibat dalam galeri tersebut termasuk Agilent, Aviatron, Sony EMCS dan Sahz Holding. Sidang Media itu telah dihadiri oleh ahli-ahli dari media cetak dan elektronik, diplomat dari negara asing yang berada di Malaysia, persatuan industri dan perdagangan asing dan tempatan, Ketua Pegawai Eksekutif bagi syarikat multinasional dan tempatan, pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan wakil bank.

## Pembangunan Sumber Manusia

Memandangkan perubahan dalam tenaga kerja moden hari ini dan selaras dengan transformasi MIDA sebagai Agensi Penggalakan Pelaburan Pusat Bertaraf Dunia di abad ke-21, MIDA akan mewujudkan misi latihan seperti berikut:

- Untuk melengkapkan kakitangan dengan kemahiran pengetahuan dan sikap yang diingini selaras dengan budaya organisasi;
- Untuk meningkatkan produktiviti bagi memenuhi keperluan pembangunan masa depan organisasi; dan
- Untuk mencapai tahap tertinggi profesionalisma dan penambahbaikan bakat tenaga kerja.

Sepanjang tahun 2011, sejumlah 38 program latihan dalam MIDA dan 63 program latihan di luar MIDA telah dianjur dan diselaraskan. Program ini dijalankan dengan penumpuan kepada peningkatan pengetahuan dan kompetensi kakitangan MIDA.

Bagi tahun 2012, MIDA telah membuat satu perancangan ke hadapan mengenai tenaga kerja bagi mengukuhkan keupayaan mereka ke arah pembaharuan bagi menyokong perniagaan, dengan menyesuaikan diri dengan persekitaran dalam dan luaran serta menggalakkan pembangunan kerjaya pekerja. MIDA juga akan memberi penekanan kepada:

- Meningkatkan kecekapan tenaga kerja untuk mencapai kecemerlangan dan pelbagai disiplin;
- Memupuk budaya integriti dan berorientasikan prestasi; dan
- Mewujudkan sistem kawalan dalaman yang telus dan berkesan.

Oleh itu, objektif program latihan untuk tahun 2012 adalah:

- Lebih banyak program latihan yang teratur akan dibangunkan;
- Meningkatkan tahap kompetensi pegawai;
- Mengubah kepada Budaya Berprestasi Tinggi; dan
- Kompetitif di Arena Global.

Selaras dengan objektif, kelompok latihan 2012 terdiri daripada lima kategori utama seperti berikut:

- Pengurusan Kemahiran dan Kepimpinan
- Pengkhususan kepada Pakar Berkaitan dengan Subjek (SME)
- Penambahbaikan Kecekapan
- Sikap dan Rantaian Nilai Yang Baik
- Lain-lain
    - Perkongsian Pengetahuan
    - Program Latihan di Luar Negara
    - Program Anugerah/Ganjaran
    - Program Awam
    - Familiarisasi dan Lawatan Kilang

# PENYATA KEWANGAN

